



## MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

# DEWAN NEGARA

*Senate*

**PARLIMEN**  
**Eighth** **KELAPAN** *Parliament*

## PENGGAL KEEMPAT

## *Fourth Session*

Jilid IV Bil. 10

Hari Khamis

21hb Julai, 1994

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULDI BAGI PERTANYAAN-PERTAHYAN

(Ruangan 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

## Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994

(Ruangan 45)

## **Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuastra Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994**

(Ruangao 131)

USUL-USUL:

Pindaan Aturan Urusan Mesyuarat di bawah  
Peraturan Mesyuarat 13 (2)

(Ruangan 44)

## **Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**

(Ruangan 134)

nCAPAN PENANGGUJAH:

## **Aurad Muhammadiyah Pegangan Al—Arqam - T.B. Puan Hajah Zaleha binti Hussin**

DN.21.7.94

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Khamis, 21hb Julai, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULDT BAGI PERTANYAAR-PEKTANYAAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dehgan izin, soalan No.1.

**PERSEKITARAN DAN KEBERSIHAN KAWASAH PERUMAHAN -  
LANGKAH MEMPERBAIKI**

**1. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad [di bawah S.0.23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang persekitaran kawasan perumahan tnengenai kebersihan iaitu masih terdapat banyak kawasan perumahan yang tidak terjaga seperti sarapah sarap, longkang tersumbat, jalan rosak dan kejadian tebing runtuh. Apakah langkah Kementerian memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, seroemangnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyedari hakikat pentingnya kebersihan untuk kawasan perumahan dan persekitarannya kerana ianya melibatkan atau membabitkan kesibatan rakyat yang menjadi nadi penggerak negara. Di samping kebersihan, keindahan dan

kecantikan kawasan perumahan adalah satu daripada matlamat mencantikkan dan mengindahkan negara bersesuaian dengan raut laraat Tahun Melawat Malaysia. Oleh itu, Tuah Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari rasa kesemasa telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya perkhidmatan yang sempurna dapat diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada masyarakat. Di antara langkah yang telah dilaksanakan ialah:

- (a) Kementerian telah menambahkan bantuan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk diagih-agihkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan kebersihan dan penyenggaraan paip serta longkang dalam kawasan-kawasan mereka.
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan perancangan dan peruntukan untuk menyelia dan membersih atau memperbaiki dan membina prasarana longkang dan lain-lain infrastruktur yang boleh mengatasi masalah tersebut. Pihak Berkuasa Tempatan juga digesa memastikan segala kerja pembuangan sampah dilaksanakan dengan sempurna termasuk yang diswastakan dengan mengambil tindakan segera kepada mereka yang tidak jujur dengan perjanjian penswastaan. Di samping itu, Kementerian juga menggalakkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan lebih banyak lagi sesi "gotong royong bersama rakyat" dan menentukan supaya Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis-majlis Daerah dan

Perbandaran serta Ahli-ahli Majlis mengadakan lawatan berkala supaya tidak selalu sangat duduk di pejabat dan menentukan supaya segala penyeliaan-penyeliaan dan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna dan berjalan dengan lancar.

Di samping itu, Pihak Berkuasa Negeri juga digesa untuk raempertingkatkan pendidikan sivik kepada orang ramai agar mereka sedar betapa pentingnya **disiplin** dan pembuang-an sampah sarap yang teratur demi penjagaan kesihatan dan persekitaran masing-masing.

- (c) Pihak Berkuasa Tempatan juga digesa untuk mengeluarkan peruntukan geran jalan bagi tujuan penyenggaraan jalan di kawasan masing-masing agar penyenggaraan jalan dapat dibuat seperti yang dirancangkan.
- (d) Berkaitan dengan kejadian tebing runtuh yang berlaku, pihak Kementerian ingin memaklumkan bahawa semua pembangunan di kawasan bukit pada ntasa sekarang adalah dikawal dengan syarat-syarat pembangunan yang lebih ketat bagi mengurangkan berlakunya kejadian tersebut. Peruntukan undang-undang sedang dipinda untuk memastikan laporan kestabilan cerun dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum pembinaan dibenarkan. Bagi cerun-cerun yang sedia ada, pihak Pejabat Daerah diminta menguatkuaskan Akta Pemuliharaan Tanah 1990 yang mana kuasa terletak kepada Pentadbir Tanah mengeluarkan arahan kepada tuan punya tanah memperbaiki kawasan-kawasan yang membahayakan nyawa dan harta benda.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tarabahan. Saya ingin bertanya Yang Berhorraat Timbalan Menteri adakah peruntukan tambahan RM50 juta itu diagihkan kepada semua negeri di Malaysia ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak walaupun Sabah dan Sarawak tidak tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, mereka juga telab membuat permohonan dan permohonan daripada Majlis-Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah dan -Sarawak akan juga dipertimbangkan.

**Tuan Shahiruddin bin Ab. Hoin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati terlalu banyak kawasan perumahan yang soal kebersihannya tidak dijaga soal sampah pun terlalu banyak, longkang pun terlalu banyak. Dan sekarang ini kawasan-kawasan perumahan soal pembersihan ini diswastakan kepada syarikat-syarikat tetapi dari segi tanggungjawab masih belum selesai.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini berapa banyakkab syarikat-syarikat yang dipertanggung-jawabkan ini yang tidak menjalankan tanggungjawab telah pun diambil tindakan oleh pihak Kementerian ataupun Kerajaan-kerajaan Tempatan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab menswastakan kerja-kerja pembersihan dan pungutan sampah ini tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh sebab itu, tertakluk dan terpulanglah kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mana-mana kontraktor atau pihak-pihak yang terlibat dengan penswastaan ini yang tidak menyempurnakan tanggungjawab mereka. Pihak Kementerian telah mengarahkan supaya tindakan segera diambil termasuk raenarik balik perjanjian ataupun menamatkan perjanjian penswastaan sekiranya boleh dan menentukan syarat-syarat yang lebih ketat lagi dilaksanakan, ditentukan di dalam pelaksanaan penswastaan di masa-masa yang akan datang.

**RANCANGAH HIBURAN MINGGUINI DAN HAL EHWAL ISLAM -  
PERBEZAAN BAYARAN**

2. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Penerangan menyatakan bayaran yang dibuat oleh RTM bagi satu rancangan Hiburan Minggu Ini (HMI) dan rancangan Hal Ehwal Islam. Mengapakah bayarannya araat berbeza padahal rancangan Hal Ehwal Islam juga mempunyai penonton yang mungkin sama ramai kalaupun tidak lebih dari rancangan HMI.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, Hiburan Minggu Ini adalah program hiburan sedangkan Hal Ehwal Islam adalah program berbentuk agama dan pendidikan.

Penerbitan bagi kedua-dua program ini memerlukan pendekatan, peralatan dan persiapan yang berbeza. Penerbitan program Hal Ehwal Islam memerlukan persiapan yang lebih mudah dari program-program hiburan seperti Hiburan Minggu Ini. Dengan itu, terdapat perbezaan dalam kos penerbitan antara program hiburan dan program agama.

Tuan Yang di-Pertua, kos purata, bagi menerbit program Hal Ehwal Islam ialah RM35,000 dan bagi program Hiburan Minggu Ini RM40,000.

Pada ketika ini, artis yang mengambil bahagian dalam Hiburan Minggu Ini dibayar antara RM500 hingga RM2,000 bagi satu-satu

persembahan terraasuk beberapa latihan sebelum rakaman muktamad dibuat. Bagi Hal Ehwal Islam pula, ianya adalah antara RM200 hingga RM2,000 tanpa sebarang latihan.

Pihak RTM dan Kementerian belum berpuashati dengan kadar bagi penceramah-penceramah agama dan penceramah-penceramah ilmu dan sedang berusaha untuk menaikkannya. Kenaikan imbuhan kepada penceramah-penceramah agama dan penceramah-penceramah ilmu dirasakan perlu kerana RTM berhasrat untuk membantu negara dalam menuju matlamat pengwujudan masyarakat yang bertnaklumat, berilmu dan berkualiti sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 negara.

#### **PEKERJA MAHIR/SEPARUH HAHIR - LANGKAH MENINGKATRAN BILANGAN**

**3. Dr. Ng Yen Yen** minta Mcnteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan perindustrian negara. Adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan Institut Latihan Kemahiran sebagai satu langkah untuk meningkatkan bilangan pelajar dan kursus yang ditawarkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' H. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan peka betapa pentingnya untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi keperluan perindustrian negara. Kerajaan juga sedar bahawa

pertumbuhan ekonomi yang disumbangkan melalui sektor perindustrian negara bergantung terus kepada kemampuan dan kesungguhan tenaga kerja. Bagi tujuan mempertingkatkan bilangan pekerja mahir, Kerajaan sudah sedia ada pusat-pusat latihan vokasional seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Keraenterian Belia dah Sukan, Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dan Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Setakat ini, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai 7 buah IKBN di seluruh negara dengan cadangan untuk menambahkannya supaya setiap negeri mempunyai sebuah IKBN untuk mempertingkatkan bilangan pekerja mahir.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan mempunyai 70 buah Sekolah Menengah Vokasional dan 6 buah Politeknik di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan akan membina 8 buah Sekolah Menengah Vokasional dan 4 buah Politeknik. Ini bermakna, apabila Rancangan Malaysia Keenara selesai dilaksanakan Kementerian Pendidikan akan mempunyai 78 buah Sekolah Menengah Vokasional dan 10 buah Politeknik dan berkeupayaan mengeluarkan Juruteknik seramai ' 17,261 dari Sekolah Menengah Vokasional dan 10,167 dari Politeknik setahun.

Pada masa yang sama, di bawah Kementerian Suraber Manusia terdapat 10 buah Institut Latihan Perindustrian di seluruh negara

dan sebuah pusat latihan pengajar dan kemahiran lanjutan (CIAST) di Shah Alam.

Bilangan pelatih yang dilatih oleh Institut Latihan Perindustrian telah dapat ditingkatkan dari 3,744 pelatih pada tahun 1990 kepada hampir 5,800 pada tahun lalu. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, beberapa buah Institut Latihan Perindustrian akan diperkembangkan kapasitinya, khususnya Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang dan Kuala Lumpur, di samping pembinaan sebuah lagi institusi latihan baru di bawah Jabatan Tenaga Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sudah ada cadangan untuk menswastakan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Sumber Manusia bermula dengan ILP di Prai dan Kuantan. Ualau bagaimanapun, projek penswastaan kedua-dua ILP tersebut merupakan projek 'pilot' dan masih di peringkat perancangan dan belum dilaksanakan. Masa depan ILP-ILP yang lain bergantung kepada hasil 'pilot' projek ini.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Semasa kemelesetan ekonomi berlaku dahulu, ramai tenaga kerja kita telah pun berhijrah ke luar negara dan saya percaya pada masa ini mereka telah pun menjadi tenaga-tenaga kerja mahir. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, daripada kita mengambil masa yang lama untuk melatih pekerja-pekerja mahir ini, adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan insentif kepada

pekerja-pekerja mahir yang berada di luar negara sekarang untuk balik dan juga bertugas di negara ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengamalkan konsep ekonomi bebas, oleh itu kita tidak ada apa-apa cadangan, mereka boleh keluar dan datang mengikut kesukaan mereka.

#### **PEMEROLEHAN/PEHAHARAN TENDER - ASAS PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN**

**4. Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Kewangan menyatakan dalam perolehan oleh pihak Kerajaan atau tender penawaran oleh sektor swasta kepada pihak Kerajaan, adakah pertirabangan khas diberi kepada kandungan tempatan (local content) yang terdapat dalam barang-barang yang ditawarkan, selain daripada faktor-faktor lain seperti harga, spesifikasi, serahan mengikut jadual masa dan ekuiti bumiputera, semasa membuat keputusan kepada syarikat mana akan diberikan kontrak tawaran. Jika ada, apakah pertimbangan-pertimbangan ini, khasnya yang ada hubungkait dengan industri-industri kecil dan sederhana. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memberi keutamaan kepada kandungan tempatan (local content) dalam barang-barang yang ditawarkan dalam mempertimbangkan sesuatu kontrak.

Keutamaan diberikan dalam mempertimbangkan sesuatu tawaran dengan syarat kualiti barang buatan tempatan dan kandungan tempatan itu memuaskan. Keutamaan harga yang diberikan kepada barang buatan tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) 10% daripada tawaran terendah dan boleh diterira bagai perolehan bernilai RM10 juta ke bawah;
- (ii) 5% daripada tawaran terendah dan boleh diterima bagi perolchan bernilai RM10 juta hingga RM100 juta;
- (iii) 3% daripada tawaran terendah dan boleh diterima bagi perolehan bernilai melebihi RM100 juta.

Antara contoh di mana Kerajaan melaksanakan dasar ini ialah dalam pembekalan ubat-ubatan kepada Kementerian Kesihatan di mana kontrak diberikan kepada sebuah syarikat yang menggunakan kandungan tempatan dalam pembuatan ubat-ubatan tersebut. Keutamaan harga diberikan walaupun harga yang ditawarkan lebih tinggi daripada harga di pasaran termasuk harga ubat-ubatan yang diimport daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, tiada pertimbangan khas dan keutamaan harga diberikan bagi kontrak perkhidmatan dan kerja ataupun **civil works**, dengan **izin**. Pencender yang berjaya dalam kedua-dua perolehan ini adalah berasaskan kepada tawaran harga terendah yang munasabah dan boleh diterima.

## SISTEH SARAAN BARU - KAJIAH SEMULA

**5. Puan Hajah Kahaiah binti Baheran** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji kembali keseluruhan Sistem Saraan Baru (SSB) kerana ia lebih kepada sistem "Sayang-sayang' Bos"; dan
- (b) minta supaya penilaian terhadap kakitangan awam tidak hanya bergantung kepada majikan tetapi dinilai oleh beberapa pihak tertentu berserta laporan dan mesyuarat.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula keseluruhan SSB. Ini disebabkan sistem tersebut baru sahaja dilaksanakan pada 1/1/1992 yang lalu. Sejak diperkenalkan, banyak pembaharuan telah dibuat ke arah meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti seluruh sektor awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang menganggap SSB ini sebagai Sistem "Sayang-sayang Boss" menunjukkan mereka tidak faham akan sistem ini sebenarnya, dan oleh sebab kurang kefahaman itu, ianya telah diperkecilkan dengan berbagai cemuhan.

(b) Sehubungan dengan aspek penilaian prestasi kakitangan awam, buat makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan Borang Penilaian Prestasi yang baru, di mana mula digunakan mulai Cahan 1994. Berbanding dengan borang yang lama, borang ini lebih komprehensif dan mampu memberi panduan kepada Pegawai-pegawai Penilai ke arah memberi pertimbangan yang lebih saksama dan objektif. Melalui kaedah ini, penilaian prestasi seseorang anggota awam tidak setakat dibuat oleh Pegawai penilai terdekat dan ditirababalas oleh Pegawai Penilai- Kedua, malah ianya perlu dibawa kepada Panel Pergerakan Gaji (PPG) bagi menentukan kedudukan pergerakan gaji yang muktamad. Kerajaan percaya, kaedah baru ini mampu menampung keperluan dan ekspektasi berhubung dengan penilaian prestasi bagi seluruh anggota sektor awam.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah SSB ini dapat memberi keadilan yang sepenuhnya kepada kakitangan awam?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, SSB ini kalau kita lihat daripada segi penerimaannya, kita bercakap soal keadilan dari pada pegawai Kerajaan maka kita dapati bahawasanya sebahagian kecil sahaja yang memberikan pandangan-pandangan yang tidak bersetuju (negative) dalam soal ini. Jadi, apabila kita melihat penolakan ataupun tidak diterimanya opsyen untuk SSB ini bcgitu kecil jumlah-

nya daripada 800,000 kakitangan Kerajaan yang ada **ini**, maka kita dapat bahawa apabila dikaji SSB ini maka Kerajaan berpendapat bahawasanya ia telah memberi suatu kedudukan, keadilan yang baik kepada kakitangan Kerajaan yang dapat mengeluarkan ataupun dapat memberikan produktiviti yang tinggi.

Semalam kita mendengar kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kenaikan gaji adalah berasaskan kepada produktiviti. Jadi, apabila seseorang itu dapat memberikan produktiviti yang tinggi, maka dianya akan dipertimbangkan kepada kenaikan yang lebih baik.

Jadi, sekarang ini kita memberi keadilan itu bagi tiap-tiap Pegawai Kerajaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dan produktiviti yang tinggi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah Kerajaan berpuas hati tentang skim SSB ini. Saya juga ingin mendapat nasihat daripada Timbalan Menteri, apakah nasihat yang dapat diberi oleh Kerajaan kepada pihak-pihak yang masih lagi belura memahami kaedah SSB.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa daripada kajiah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan dan pihak Ketua Setiausaha Negara terhadap kenyataan tentang pelaksanaan dan pencapaiananya, suka saya menyatakan pada hari ini bahawa Kerajaan memang berpuas hati dengan pelaksanaan SSB yang telah di jalankan, seperti yang disebutkan tadi bahawa kerana peratusan penerimaannya adalah cukup tinggi; jadi, saya hendak menyatakan kepada kakitangan awam atau kakitangan Kerajaan yang seharunya dapat menerima SSB ini kerana ianya lebih baik sekarang ini kerana banyak kebaikannya. Misalnya, kalau dahulu diletakkan 3 tahun untuk penilaian kenaikan pangkat, sekarang diberikan 3 tahun boleh dinilai prestasi pegawai itu untuk dinaikkan pangkat. Pengesahan jawatan pun begitu. Ini adalah beberapa kebaikan yang harus dikaji oleh kakitangan awam tentang SSB ini, yang saya katakan bahawa Kerajaan berpendapat ianya adalah baik untuk kita laksanakan.

**PESAT VIDEO - PENGLIBATAN KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR**

**6. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Terapatan menyatakan memandangkan bahawa bilangan kanak-kanak yang di bawah umur yang ditangkap kerana berada di pusat-pusat video semakin meningkat, sama ada beliau bercadang hendak meminda undang-undang berkenaan supaya denda RM10,000 bagi yang paling tinggi dan RM3,000 bagi yang paling rendah boleh dikenakan terhadap tuan punya pusat-pusat video yang berkenaan dan bukannya seperti sekarang di mana denda sebanyak RM300 sahaja dikenakan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuasa untuk tnengeluarkan lesen hiburan ke atas pusat-pusat permainan video terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, iaitu melalui Pejabat-pejabat Daerah atau pihak Berkuasa Terapatan. Setakat ini belum ada apa-apa cadangan untuk menaikkan denda sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhomat. Walau bagaimanapun, mana-mana pengusaha pusat-pusat permainan video yang didapati melakukan kesalahan boleh dikenakan denda dan lesen mereka di tarik balik.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengkaji kedudukan pusat video ini dari segi kesan positif dan negatifnya, khasnya daripada maklum-balas dari Pihak Berkuasa Tempatan dan akan memberikan pandangan dan cadangan apabila kajian yang menyeluruh dan terperinci diperolehi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah kanak-kanak yang menonton video di pusat-pusat video ini ditangkap? Adakah filem yang ditayangkan di video itu tidak boleh ditonton oleh kanak-kanak kerana mempunyai adegan seks, ganas, maksiat dan lucah? Kalau ya, adakah Kementerian akan menghapuskan pusat-pusat video.

**Tuan. Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan Ahli Yang Berhorraat silap, yang diraaksudkan dengan pusat video ini ialah Video Garaes bukannya filera dan sebagainya. Bolehkah saya cadangkan supaya Yang Berhormat masuk ke pusat video ini?

**Tuan Tang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Habsbah binti Haji Osman.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 7.

#### BSKL - MENGAWAL KEJATUHAN PASARAH SARAH

7 . **Tuan Haji Shuib bin Shawal [di bawah 8.0.23(2)]** minta MenCeri Kewangan menyatakan:

- (a) langkah-langkah terkini Kerajaan untuk mengatasi masalah kelerapan dan juga kejatuhan pasaran Sahan di "Bursa Saham Kuala Lumpur". Adakah galakan-galakan baru dan insentif untuk menarik dana asing untuk melabur di BSKL. Adakah keadaan di BSKL dapat dipulihkan seperti keadaan 1993 yang dikenali sebagai tahap superbull;
- (b) adakah langkah Kerajaan di dalam mengawal inflasi berjaya. Apakah langkah kadar interest rendah oleh bank-bank tempatan iaitu sekitar 5.5 - 6% setahun dapat menggalakkan orang ramai untuk menabung simpanan mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan supaya kewangan negara tidak sensitif terhadap raatawang asing seperti Yen Jepun dan Dolar Amerika dan juga apakah tindakan Rerajaan untuk raengelakkan sensitiviti Bursa-bursa Asing terhadap BSKL.

**Dato'Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada 3 bahagian;

- (a) sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pasaran saham di BSKL telah mengalami kenaikan harga menyeluruh pada akhir tahun lalu dan berterusan sehingga 5 Januari, 1994 di raana pada tarikh tersebut Indeks Komposit BSKL mencatat paras tertinggi iaitu 1,332 mata. Walau bagaimanapun, Indeks Komposit ini mula menurun hingga kc paras

terendah 920 pada 5 April yang lalu dan terus berada dalam lingkungan mata tersebut di mana kedudukannya semalam adalah pada paras 1009.7 mata. Kerajaan merasakan bahawa fenomena ini adalah perkara biasa dalam sebuah pasaran sabara dan bersifat sementara. Tambahan pula kedudukan harga-harga sahara pada pasaran sekarang sedang mengalami pembetulan pasaran (market correction) setelah saham-saham di BSKL mengalami kenaikan harga yang ketara pada akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Kerajaan merasakan pasaran akan kembali pulih memandangkan asas-asas sokongan pasaran seperti perturabuhan ekonomi negara yang kukuh, kestabilan politik dan kedudukan ekonomi dan kewangan yang keseluruhannya adalah dalam keadaan yang amat baik.

- (b) sehingga ini langkah-langkah mengawal inflasi yang diarabili oleh Kerajaan telah menunjukkan kesan yang positif di mana kadar inflasi untuk bulan Mei lalu, umpamanya, telah jatuh kepada 3.72 berbanding dengan 5% dalara bulan Februari, 1994. Kadar peratus inflasi bagi 5 bulan pertama tahun ini ialah kira-kira 4.2%. Kadar faedah di negara kita adalah bergantung kepada kadar keadaan ekonomi semasa, mudah tunai dan perkembangan di luar negara. Dengan kadar intiasi dan kadar faedah yang ada sekarang, penyimpan masih memperolehi kadar pulangan yang positif ke atas sirapanan mereka. Dengan demikian kadar faedah di paras sekarang adalah munasabah untuk menggalakkan tabungan.

(c) perkembangan mata wang antarabangsa adalah di luar kawalan Bank Negara dan perubahan dalam kadar pertukaran ringgit bergantung terutamanya kepada faktor permintaan dan penawaran pasaran. Bank Negara mengamalkan dasar terbut dan hanya bertindak semata-mata untuk mengurangkan ketidak-kestabilan dalam kadar pertukaran ringgit atau menangani tekanan hasil daripada aktiviti spekulasi. Mengenai sensitiviti BSKL terhadap Bursa-bursa Sahara di luar negara, Kerajaan tidak boleh mengadakan sebarang paksaan atau halangan bagi mengelakkan sensitiviti tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengingatkan para pelabur supaya membuat pelaburan secara bijaksana iaitu berpandukan asas-asas ekonomi dan prestasi syarikat dan bukan semata-mata kepada khabar-khabar angin.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tirabalan Menteri mengenai soalan tambahan bahagian (a). Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa soal turun naik saham adalah perkara yang biasa. Saya juga percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa salah satu daripada sebab berlakunya turun naik pasaran saham di Kuala Lumpur adalah kerana kadang-kala pihak Suruhanjaya Sekuriti dan juga Bank Negara membuat peraturan-peraturan baru secara mengejut dan juga secara tiba-tiba. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh pihak Kementerian supaya Suruhanjaya Sekuriti dan juga Bank Negara tidak membuat peraturan-peraturan baru secara mengejut apabila pasaran saham naik dengan baiknya.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti pada masa-masa tertentu terpaksa mengeluarkan garis panduan ataupun perubahan-perubahan dalam dasar berdasarkan kepada keadaan semasa. Bank Negara, umpamanya, antara pertimbangan terpenting yang diambil kira ialah bekalan wang, inflasi dan kedudukan ekonomi dan kewangan secara umumnya. Umpamanya, pada awal tahun ini apabila didapati aliran wang daripada luar negara begitu banyak mengalir ke dalam negara kita dan untuk membendung pengaliran wang secara spekulatif tersebut, Bank Kegara terpaksa mengambil 6 tindakan bagi memastikan bahawa aliran wang tersebut dapat di kawal dan tindakan ini diambil untuk memastikan bahawa keadaan bekalan wang dalam negara dan seterusnya inflasi dapat dibendung.

Jadi, Bank Negara perlu melihat kepada keadaan keseluruhan seluruh negara seperti kedudukan ekonomi dan kewangan, tidak boleh melihat semata-mata kepada kepentingan pelabur saham sahaja. Ia harus melihat kepada kedudukan ekonomi dan kewangan secara keseluruhannya, untuk meraastikan bahawa pertumbuhan dan juga kadar inflasi dalam negara kita adalah sepetimana yang dihasratkan oleh Kerajaan. Oleh itu tidak berbangkit saraa sekali sama ada Kerajaan hendak memastikan Bank Negara atau pihak-pihak lain tidak mengambil langkah-langkah yang dikatakan boleh mengejutkan pelabur-pelabur saham.

Begitu juga dengan Suruhanjaya Sekuriti, tindakan-tindakan yang diambil terroasuklah mengenakan kawalan-kawalan yang lebih ketat ke atas ayarikat-syarikat broker sahara berlandaskan kepada pertimbangan semasa untuk memastikan bahawa kepentingan pelabur akan

terpelihara. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat, khususnya berkaitan dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk mempastikan, di mana boleh beberapa peraturan dan garis panduan baru yang dilaksanakan itu akan diumumkan dengan cara yang lebih teliti dan berhati-hati,

#### **POS MALAYSIA - KELEWATAH PENYAMPAIAN MEL**

**8.** **Datuk David Teoh Eng Hock** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pengiriman surat-surat sampai kepada destinasi dalam waktu yang cepat dan jika tidak apakah langkah-langkah yang akan mengurangkan kompleks terhadap Kementerian kerana surat-surat yang dikirim lambat sampai kepada tempat-tempat yang dituju.

**44.** **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah Keraenterian berasa puas hati dengan prestasi dan mutu perkhidmatan Jabatan Pos sejak ianya diswastakan; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang memberi kebenaran atau lesen kepada syarikat lain menjalankan perkhidmatan pos.

26.7.94

**21.** **Tuan. Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah Pos Malaysia mampu mengatasi kelewatan menghantar surat; dan
- (b) adakah Pos Malaysia akan menambah kakitangan dan bilakah dapat diatasi kelewatan tersebut.

27.7.94

**4.** **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Han Ahmad Tajuddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sepucuk surat yang dihantar dari Shah Alam untuk disampaikan ke Kelang mengambil masa sebulan, dan apabila siasataa dibuat di dapati surat itu mesti di bawa ke Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum penghantaran dibuat ke destinasi berkenaan. Jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap Pos Malaysia untuk mengatasi kelewatan penyampaian mel.

**9. Tuan Haji Shuib bin Endut** minta Menteri Tenaga, Telekora dan Pos menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah sebuah lagi syarikat pos dalam usaha mengatasi kelangkahan pengedaran surat-surat; apakah tindakan Kementerian supaya kerja-kerja penyisihan surat dapat dibuat secara cepat setelah perkara ini menjadi permasalahan utaraa.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Datuk David Yeoh Eng Hock ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow yang dijadualkan untuk dijawab dalam soalan nombor 44 pada hari ini. Di samping itu saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, Yang Berhormat Tuari Shuib bin Endut, Yang Berhormat Datin Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin yang dijadualkan di jawab masing-masing pada 26 dan 27hb Julai ini kerana atas isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa faktor telah dikenal pasti menyebabkan kelewatan penyerahan mel oleh Pos Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya. Antaranya:-

- (a) Jumlah mel yang dikendalikan oleh Pos Malaysia di seluruh negara meningkat dari 2.61 juta mel sehari dalam tahun 1992 kepada 4 juta mel sehari dalam tahun 1994, Di musim-musim perayaan jumlah mel meningkat kepada 21 juta mel sehari di seluruh negara;
- (b) orang ramai tidak menulis alaraat serta poskod yang betul serta mengguna sampul yang berbagai dari segi ukuran, bentuk, warna dan mutu kertasnya. Ini menyukarkan proses isihan iaitu, dengan izin, sorting melalui mesin dan perlu dibuat secara tangan; dan
- (c) kekurangan kakitangan dan mesin yang sesuai di peringkat prosesan mel.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah segera telah dan sedang diambil oleh Pos Malaysia bagi mengatasi kelewatan penyerahan mel itu antara lainnya ialah:-

- (a) Mulai 16hb Jun 1994 lalu, Pos Malaysia telah melaksanakan sistem prosesan mel 24 jam di Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur;

- (b) seramai 336 orang anggota operasi tambahan telah dilantik untuk menampung keperluan tenaga kerja di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya;
- (c) bagi meningkatkan lagi keupayaan pengisian, saya telah mengarab Pos Malaysia mempercepatkan pembelian mesin OCR, dengan izin, Optical Character Reader yang mampu memproses 31,000 hingga 45,000 surat sejam.

Tuan Rahira bin Babar Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan dari Yang Berhormat Menteri tadi bahawa tiga langkah telah pun dijalankan untuk mempercepatkan penghantaran surat ke rumah-rumah dan saya percaya Yang Berhorraat Menteri adalah seorang yang suka kepada saingan atau 'competition'. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju kalau saya cadangkan bahawa diberikan satu lagi lesen kepada syarikat lain daripada Pos Malaysia untuk menjadi saingan kepada Pos Malaysia supaya kita sebagai pelanggan mendapat perkhidmatan yang lebih baik?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak tnempunyai apa-apa cadangan untuk memberi lesen baru kepada mana-mana syarikat. Saya percaya sekarang kita terima lebih kurang 100 aduan dari rakyat jelata setiap bari. Kalau ada dua lesen, kita terima 200 aduan, tetapi ini bukanlah tujuan Kerajaan untuk memberi lebih lesen di mana kita dapat lebih masalab dari rakyat jelata tetapi kita cari sistem-sistem baru di mana kita boleh juga menghapuskan

raasalah-masalah yang dihadapi oleh Pos Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah int bukanlah raasalah penghantaran sahaja. Ada banyak masalah-masalah yang saya sendiri telah saksikan dalam lawatan saya ke 'Pos Malaysia dua bulan yang lalu. Daripada lawatan itu, saya telah mengarahkan Pos Malaysia untuk mempercepatkan penghantaran. Pada masa itu, mereka telah memberitahu kepada saya pilihan mel jadi satu masalah dan selepas itu kerja telah ditambah lebth 8 jam dan pilihan menjadi 24 jam. Dengan pilihan 24 jam pun kita mempunyai banyak masalah.

Hari ini dan semalam, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga melihat beberapa aduan dan gambaran yang telah ditunjukkan oleh Malay Mail dan lain-lain pihak. Kementerian telah mengambil beberapa tindakan tetapi satu yang kita tidak boleh selesaikan dengan segera ialah oleh kerana pembelian raesin-mesin itu akan mengambil masa sekurang-kurangnya 9 bulan. Mesin itu bukanlah satu raesin yang kita boleh beli macam beli TV dari kedai-kedai. Mesin itu mesti di order dan pembuatan mesin itu akan memakan masa lebib kurang 4 bulan atau 5 bulan.

Ini bukan bererti saya suka merauji Pos Malaysia oleh kerana saya sendiri pun telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan. Saya sendiri pun malu juga menjawab beberapa soalan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini tetapi apa yang boleh saya buat ialah mengarah dan mengambil tindakan. Tetapi inilah satu masalah manusia, masalah efficiency, dengan izin, dan juga memberi

satu nafas baru kepada syarikat boleh dibuat melalui undang-undang tet'api memberi satu nafas dan sistem baru kepada manusia tidak boleh berlaku dalam tempoh satu atau dua tahun. Ini satu 'culture' iaitu 'corporate culture' mesti diajar kepada raereka, Kini Kementerian saya sedang mengarabil tindakan. Ini bukan bererti semua manusia boleh menerima apa juga ajaran yang akan dibuat oleh Kementerian,

[Tepuk]

**Datin Bajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menujukan soalan tambahan ini kepada Dato' Menteri kita iaitu fasal surat-menyurat. Fasal surat-menyuratini, saya tidak menyentuh terapat-tempat lain tetapi saya sentuh Kelang sahaja. Kami di Kelang, bukan rumusan ini daripada sekecil- kecil rumusan - tidak, maktn lamamakin benar, Dato' Katanya, "Mengapa surat lambat sampai?" Bukan dua hari, kadang-kadang seminggu, dua minggu. Lebih-lebih lagi kalau Shah Alam ke Kelang - tidak dapat. Lebih-lebih lagi pula awal tahun, masa orang bertukar sekolah, bertukar pejabat dan sebagainya, surat-surat ini selalu terlambat sampai. Saya sendiri jadi jemputan VIP-VIP yang tertentu yang sepatutnya saya mesti pergi tetapi saya tidak pergi. Bila saya tanya rupa-rupanya, surat Shah Alam bukannya dipos terus ke Kelang, ia pergi ke Kuala Lumpur dahulu, ia jalan jauh dahulu, kemudian baru dia pergi ke Kelang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apakah soalannya?

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Jadi, inilah sebabnya saya hendak tahu mengapa tidak diringkaskan?

Untuk soalan yang penghabisan, saya tambah sedikit Dato' Menteri. Kata masyarakat di Kelang, "Baiklah lagi Posmen Kerajaan yang boleh menyampaikan surat kepada kita selewat-lewatnya dua, tiga hari sahaja". Ini memang berlaku, tidak selalu; tetapi kerap-kali jadi. Itu aahaja Dato' terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat, tetapi jawapan saya iaitu saya telah berbincang pada pagi tadi. Esok pun saya ada satu lagi mesyuarat dengan Pos Malaysia. Saya minta jikalau boleh, bolehkah mereka mengirakan kontrak ke tempat-tempat di mana kita menghadapi masalah. Tetapi mereka pun ada beberapa jawapan. Hari ini saya minta, jikalau tidak kita akan menimbangkan tindakan-tindakan baru. Esok saya akan berbincang dengan mereka, selepas itu kita akan membuat lawatan rahsia ke beberapa tempat dan tidak memberi tahu kepada ketua-ketua.

Oleh kerana jika memberitahu kepada ketua-ketua di situ, orang di tempat itu pun boleh mendapat tahu. Lagi pun, saya minta pegawai-pegawai di "Counter Service" untuk menunjukkan muka yang lebih manis. Jikalau mereka bergaduh dengan isteri atau isteri bergaduh dengan suami, janganlah ditunjukkan di tempat kerja. [Ketawa] [Tepuk]

#### MAKTAB REHDAH - KAJIAN PENUBUHAN

**9.** **Tuan Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam rancangan Keraenterian Pendidikan hendak menubuhkan maktab-maktab rendah (junior colleges), apakah dasar Kerajaan berkaitan dengan syarat-syarat kemasukan, mata-mata pelajaran yang akan ditawarkan dan panjangnya kureus pra-universiti yang akan dikelola-kalan oleh maktab-maktab ini nanti.

**43.** **Puan Hajah Rahaiah binti Baherau** minta Menteri Pendidikan roenyatakan apakah langkah Kerajaan dalam roemperbaiki taraf Tingkatan Enam agar mempunyai 'standard' dengan Pra-U dan tidak dianggap sebagai 'dumping ground' oleh sesetengah pihak. Apakah matlamat dan fungsi raaktab yang bakal ditubuhkan bagi menggantikan tingkatan enam dan apakah dengan penubuhan maktab/kolej tersebut dapat raengatasi masalah yang dihadapi oleh Tingkatan Enam sekarang.

#### 25.7.94

**5.** **Dato' Hohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada 20 kolej yang akan diwujudkan dapat raengatasi kelemahan yang berlaku di sistem Tingkatan 6 sekarang ini dan berapakah kos membina kolej-kolej ini serta di manakah kolej-kolej ini akan ditempatkan dan bolehkah kolej-kolej tersebut raenangani masalah kelemahan pelajar-pelajar bumiputera seperti yang berlaku sekarang ini.

**13.** **Tuan Han Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab penubuhan 20 buah Kolej Remaja (Junior Colleges) untuk menggantikan Tingkatan Enam;
- (b) adakah 20 buah kolej ini dapat mengatas masalah-masalah yang wujud di Tingkatan Enam sekarang; dan
- (c) berapakah kos membina 20 buah kolej-kolej ini.

**26.7.94**

67. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian bercadang menggantikan kursus STPM yang wujud sekarang dengan pendidikan Junior Colleges; dan
- (b) jika benar, bila program ini akan dilaksanakan dan berapa Junior Colleges akan dibinakan.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 5 soalan yang bertanyakan rancangan Kementerian Pendidikan untuk menukuhan Maktab Rendah atau Junior Colleges. Saya pohon supaya soalan-soalan tersebut dijawab sekali gus.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tersebut ialah:

1. Yang Berhormat Dr. Toh Kim Woon pada 21hb Julai 1994;
2. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran pada 21hb Julai 1994;
3. Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan pada 25hb Julai 1994;
4. Yang Berhormat Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad pada 25hb Julai 1994; dan
5. Yang Berhormat Tuau Fu Ah Kiow pada 26hb Julai 1994.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menukarkan Pendidikan Tingkatan Enam kepada Maktab Rendah. Perkara ini adalah di peringkat kajian dan perbincangan sahaja. Justeru itu, Kementerian Pendidikan belum membuat sebarang ketetapan tentang penubuhan maktab tersebut, bilangannya, syarat-syarat kemasukan serta mata pelajaran yang akan ditawarkan.

**KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH - BANTUAN**

**10. Tuan Haji Shuib bin Endut** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapa banyakkah Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) yang masih beroperasi di seluruh negara mengikut negeri-negeri. Apakah bantuan yang diberikan oleh Kementerian supaya KPD ini maju dan mendapat sambutan ramai di kalangan masyarakat tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Mohd. Noh bia Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, terdapat 78 buah Roperasi Pembangunan Daerah yang masih beroperasi di Semenanjung Malaysia.

Pecahan bilangan Koperasi Pembangunan Daerah mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan</b>
Johor	- 8
Kedah	- 11
Kelantan	- 10
Melaka	- 3
Negeri Sembilan	- 7
Pahang	- 9
Perak	- 9
Perlis	- 1
Pulau Pinang	- 4
Selangor	- 9
Terengganu	- 7

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan Kerajaan yang diberi kepada Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah supaya maju dan mendapat sambutan ramai di kalangan masyarakat tempatan termasuklah:

- (i) Lesen kontraktor Kelas D atau EX ataupun F yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor, Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) tawaran kerja-kerja kontrak oleh Pejabat Daerah atau jajahan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain;
- (iii) kemudahan pinjaman kewangan dari Kerajaan dan kebenaran untuk meminjara dari pihak swasta (bank-bank tempatan); dan
- (iv) bantuan pengguna melalui Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia.

Keraenterian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi akan terus memberikan penyeliaan berkesan, bimbingan, menganjurkan kursus-kursus pendidikan ahli-ahli koperasi dan seminar KPD dari masa ke semaea. Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah adalah digalakkan berdikari di samping mempelbagaikan aktiviti koperasi, selain dari kerja-kerja kontrak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Wan Hamid Edruce bin Wan Mohamed.

#### **CNN - TUDUHAN MALAYSIA MEMBEKAL SENJATA**

**11. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang [Di bawah S.O 23(2)]** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada CNN telah dihubungi untuk menarik balik tuduhan yang raenyatakan Malaysia membekalkan senjata ke Bosnia-Herzegovina dan jika CNN tidak mahu minta maaf, adakah Kerajaan akan menamatkan kontraknya dengan CNN dan jika berlaku pembatalan kontrak dengan CNN, apakah kerugian yang dialami oleh TV Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, permasalahan Cable News Network (CNN) dengan RTM dan seterusnya dengan negara kita sudab pun selesai.

CNN yang pada awalnya telah raenyiarkan laporan berita yang mendakwa Malaysia merabekalkan eenjata kepada tentera Bosnia Herzegovina telah pun kemudiannya menyiarkan penafian Perdana Menteri kita dalam hal yang sama. Siaran penafian itu dibuat seminggu selepas Menteri Penerangan meminta CNN raelakukan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, RTM telah pun memeterai perjanjian dengan CNN untuk mendapat bekalan berita darinya dan kontrak ini berkuat-kuasa selama 3 tahun lagi.

#### OIC/NAM - BANTUAK UNTUK BOSNIA-HERZEGOVINA

**12. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada OIC dan NAM akan "membantu Malaysia dalam usaha untuk mencari jalan menamatkan peperangan di Bosnia Herzegovina memandangkan banyak harta dan nyawa telah musnah dalam tragedi di negara bekas Yugoslavia itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wau]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada PBB, OIC dan NAM merupakan dua forum antarabangsa daripada negara-negara merabangun dan Islam menangani isu Bosnia-Herzegovina. Melalui kedua-dua forum ini, Malaysia telah menyalurkan pendapat dan pandangan serta memainkan peranan yang aktif dan berkesan bersama-sama dengan anggota yang lain dalam usaha untuk mendapatkan keadilan bagi rakyat Bosnia.

Atas inisiatif Malaysia dalam OIC dan NAM serta tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh OIC Contact Group di mana Malaysia menjadi ahlinya, usaha-usaha diplomatik tersebut telah mendapat sokongan padu negara-negara anggota dan berjaya mempengaruhi keputusan PBB bagi melaksanakan resolusi-resolusi yang berkaitan dengan Bosnia-Herzegovina.

Malaysia akan terus berusaha dan bekerja rapat dengan negara-negara OIC lain ke arah mencapai penyelesaian muktamad kepada masalah Bosnia-Herzegovina. Sehubungan dengan ini, cadangan Malaysia untuk diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai Bosnia-Herzegovina telah pun disokong oleh NAM di Kaherah baru-baru ini. Malaysia juga telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah pada persidangan tersebut sebagai usaha seterusnya untuk menangani isu Bosnia-Herzegovina ini.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini, ada suatu pelan perdamaian ataupun 'peace plan' yang telahpun dikemukakan oleh beberapa kuasa besar. Di bawah pelan ini, 49% daripada tanah diberikan kepada orang-orang Serbia dan yang baki 51% diperuntukkan kepada orang-orang Islam dan Croatia. Apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pelan ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dibuat oleh the Western Contact Group, dengan izin, telah pun ditolak oleh pihak Serbia sendiri sehari dua ini. Maka pihak Kerajaan kita akan melihat perkerabangan, kalau mereka menerima secara baik iaitu oleh serua pihak yang berkenaan iaitu pihak Serbia, pihak Croatia dan pihak Bosnia, mungkin Malaysia boleh turut serta menyokong. Tetapi peringkat ini pun antara mereka tidak boleh mendapat suatu keputusan yang boleh diterima oleh kita.

**RAKYAT MALAYSIA DI PENJARA LUAR NEGARA**

**13.** **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada rakyat Malaysia ada dipenjarakan di negara-negara seperti di bawah ini:
  - 1. Singapura;
  - 2. Thailand;
  - 3. Indonesia;
  - 4. Filipina;
  - 5. Hongkong; dan
  - 6. Jepun.
- (b) nyatakan apakah kesalahan-kesalahan yang menyebabkan mereka dipenjarakan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Chc Wan:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang ada rakyat Malaysia yang dipenjarakan di negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Hongkong dan Jepun. Bilangan yang dipenjarakan di Singapura adalah seramai 299 orang; di Thailand seramai 48 orang; di Indonesia seramai 33 orang; di Pilipina seramai 2 orang; di Hongkong seramai 409 orang; dan di Jepun seramai 415 orang.
- (b) Kesemuanya dipenjarakan kerana kesalahan jenayah dan sivil.

**JENAYAH ROGOL/ROMPAK/RASDAH - KAJIAN UNDANG-UNDAH**

**14.** **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah Kerajaan akan meminda undang-undang yang ada sekarang bagi membolehkan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang bersabit dengan kesalahan seperti guru merogol murid, polis melakukan rompakan, pegawai pencegah rasuah melakukan rasuah dan sebagainya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada sekarang bagi membolehkan hukuman yang lebih berat yang bersabit dengan, kesalahan seperti guru merogol murid, polis melakukan rompakan, pegawai pencegah rasuah melakukan rasuah dan sebagainya.

Buat masa **ini**, Kerajaan berpendapat bahawa penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan merogol, merompak dan melakukan rasuah adalah memadai.

#### **ETIKA PELANCONG - TAKLIMAT**

**15. Puan Hajah Rahman binti Salleh** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah para pelancong luar yang datang raelawat ke negara ini tidak diberi taklimat terlebih dahulu dari segi berpakaian supaya para pelancong ini tidak berpakaian yang keterlaluan bagi menghormati adat susila negara kita Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Keaenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia tidak bercadang untuk mengenakan syarat-syarat tertentu kepada pelancong dari segi berpakaian mahupun kelakuan.

Walau bagaimanapun, melalui risalah-risalah dan penerbitan-penerbitan mengenai pelancongan, Kementerian sentiasa memberi gambaran kepada para pelancong tentang **nilai-nilai** dan norraa yang sesuai di Malaysia dari segi pakaian, tata laku, bahasa dan aebagai-nya.

#### **PEMBANGUNAN LADANG HUTAN - KEJAYAAN**

**16. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Utaraa menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kejayaan penubuhan ladang hutan di Malaysia yang bertujuan untuk menambah dan mengurangkan tekanan ke atas pembukaan hutan **asli**; dan
- (b) apakah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan dan Perabangunan Ladang Hutan dalam konteks pembangunan hutan negara.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

- (a) Sehingga akhir Jun 1994, seluas 53,458 hektar ladang hutan telah dimajukan di 7 buah negeri di Semenanjung Malaysia iattu di Pahang, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Kelantan.

Manakala di Sabah, setakat bulan Disember 1993 sejumlah 72,548 hektar luas kawasan ladang hutan telah ditubuhkan dan seluas 8,000 hektar di Sarawak. Projek ini melibatkan jenis tanaman kayu keras yang cepat tumbuh di mana hasil tebangan akan diperolehi mulai tahun 1998 iaitu 15 tahun selepas tanaman. Walau bagaimanapun, penghasilan telah diperolehi melalui operasi penjarangan pokok-pokok yang mencapai umur 5 tahun dan 8 tahun. Kayu penjarangan yang dihasilkan telah diproses untuk kegunaan industri pembinaan, keluaran finger jointing, dengan izin, dan juga kayu sepai.

Pengeluaran bahan-bahan kayu dari kawasan ladang hutan dijangka akan dapat mengurangkan tekanan permukaan kawasan hutan asli atas sebab kadar pengeluaran yang amat tinggi iaitu anggaran 100 meter padu balak sehektar berbanding dengan hasil hutan aali purata 45 meter padu sehektar,

- (b) Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan dan Pembangunan Ladang Hutan adalah sebuah jawatan-kuasa yang ditubuhkan untuk menyalaras segala usaha penyelidikan dalam bidang ladang hutan di negara ini. Ia bertanggungjawab untuk menentukan haluan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang ladang hutan serta mengenal pasti projek penyelidikan yang perlu dilaksanakan bagi memperbaiki sistem pengurusan dan pembangunan ladang-ladang hutan di Malaysia.

#### **FAHDU HAJI - SYARAT DAH KRITERIA**

- I/. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kuota yang diberikan oleh Kerajaan Saudi Arabia mengenai bilangan jemaah haji yang dibenarkan menunaikan Fardu haji telah menyebabkan ramai orang gagal mendapat peluang untuk berbuat demikian, adakah pihak Tabung Haji dt masa akan datang akan membenarkan hanya mereka yang belum pernah menunaikan fardu haji diberi keutamaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdull]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah menetapkan dasar pendaftaran haji bahawa kriteria bagi meluluskan permohonan untuk menunaikan fardu haji adalah seperti berikut:-

- (i) cukup wang naik haji;
- (ii) disahkan sibat oleh doktor; dan
- (iii) yang dahulu didahulukan.

Oleh itu mereka yang pernah menunaikan Fardu haji jika raereka memenuhi syarat dan kriteria di atas adalah layak untuk diberi pertimbangan.

Tujuan mereka menunaikan fardu haji kali kedua atau seterusnya ialah untuk menggadakan haji yang telah rosak atau menunaikan nazar bagi tabun tertentu sama ada menemani muhrim yang belura pernah menunaikan fardu haji atau menunaikan haji selepas mereka baligb. Pemergian mereka untuk menunaikan haji kali kedua adalah wajib mengikut hukum syarak.

#### **PETANI DAN NELAYAN - LANGKAH MENGURANGKAN KOS PENGELDARAN**

**18. Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Pertanian raenyatakan apakah langkah-langkah yang sedang disusun oleb Kementerian beliau untuk membantu petani dan nelayan mengurangkan kos pengeluaran mereka supaya barga hasil yang raereka mampu dan secara tidak langsung dapat membasi inflasi.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dr. T. Marimutbu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan terus membantu petani meningkatkan kecekapan pengeluaran ladang raereka melalui penyediaan perkhidmatan pengembangan di samping perlaksanaan projek kelompok, dusun nukleus dan projek mini estet.

Melalui perlaksanaan projek-projek ini, kaedah pengurusan ladang yang efektif dari segi kos terutama dalam penggunaan bahan input, jentera dan buruh diamalkan. Ini bertujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan seterusnya mengurangkan kos seunit pengeluaran.

Untuk kaum nelayan, beberapa langkah telah dikenal pasti dan dilaksanakan bagi mengurangkan kos pengeluaran hasil nelayan iaitu menggalakkan nelayan laut dalara menggunakan teknologi elektronik dan peralatan-peralatan moden seperti alat pengesan ikan sonard, raeraper-banyakkan penaburan unjam-unjara di persisiran pantai dan dengan suraber ikan yang dapat ditingkatkan, nelayan pantai boleh menumpukan usaha menangkap ikan di kawaean unjam berkenaan. Ini akan menjimatkan raasa dan kos operasi. Menggalakkan persatuan nelayan raembekal input kepada nelayan dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kos pengeluaran dapat dikurangkan, ini tidak dapat memastikan harga runcit akan menjadi rendah. Penentuan harga runcit masa kini tidak berasaskan kepada kos pengeluaran cetapi berasaskan kepada faktor-faktor seperti permintaan barang, "margin" keuntungan, profiteering dan sistem pemasaran.

Untuk mengurangkan tekanan inflasi, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian, jabatan dan agensi-agensinya akan membantu petani menentukan pengeluaran pertanian mereka adalah mencukupi untuk keperluan permintaan, membaiki sistem maklumat pasaran dan mempelbagaikan saluran pemasaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Mohd. Radzi bin Manan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan yang ke 19.

**HAD LAJU DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - CADANGAN MENURUNKAN**

**19. Tuan Rahim bin Baba [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada had laju bagi kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan diturunkan dari 110km sejam kepada 90km sejam dan 70km sejam di setengah-setengah tempat dan menyatakan alasan-alasan raenasabah memandangkan had laju 110km sejam yang telah digunakan sejak berpuluhan tahun lalu di negara-negara barat adalah difikirkan terlalu rendah bagi pemandu-pemandu yang menggunakan kereta yang berteknologi tinggi yang memang dibuat untuk keselesaan dan keselamatan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Cadangan Kerajaan untuk menurunkan had laju di bahagian-bahagian tertentu lebuh raya yang sering berlaku kemalangan dan kematian dari 110km sejam kepada 90km sejam adalah bagi membolehkan kajian dibuat sama ada dengan tindakan ini jumlah kemalangan dan keraatian akan berkurangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pengangkutan telah mengadakan dua mesyuarat dengan agensi-agensi terlibat mengenai perkara ini. Bahagian lebuh raya dan jalan tertentu yang sering berlaku kemalangan dan kematian sedang dikenal paeti oleh Kementerian.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun pihak Kerajaan memangnya prihatin terhadap kemalangan yang sering berlaku di lebuh raya, Apakah Yang Berhormat setuju dengan cadangan saya kalau saya cadangkan, bagi kereta-kereta yang kuasa kudanya kurang daripada 1500 c.c. patutnya kereta ini hanya boleh berjalan selaju 90km sejam di lebuh raya, bagi kereta yang di antara 1500 c.c. ke 2300 c.c., ianya boleh menggunakan lebuh raya dengan kelajuan 110km sejam dan bagi kereta yang melebihi 2300 c.c. ianya boleh menggunakan lebuh raya dengan kadar kelajuan 140km sejam.

Soalan saya yang kedua, juga mengenai soal Lebuhraya Utara-Selatan. Saya difahamkan kadar tol yang dikenakan ialah 5 sen bagi satu kilometer dan dalam kiraan saya daripada Flaza Tol di Damansara ke Plaza Tol di Subang ialah 15.2 kilometer dan bayaran yahg dikenakan ialah RM1.40, Kalau 15 kilometer kali 5 sen maknanya 75 sen. Kalau saya kira daripada Jabatan Kerajaan, sampai ke Plaza Tol Subang dan terus ke Jalan Subang ke airport, hanya 20.1 kilometer dan kalau dikali dengan 5 sen, bermakna RM1.05 sahaja. Tetapi kita dikenakan bayaran RM1.40. Jadi.....

**Tuan Tang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Rahim bin Baba:** ...soalan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** ....soalan asal berkenaan had laju.

Tuan Rahim bin Baba: Oh, had laju. Maaf. Sebab saya tunggu soalan itu tidak ada.

#### NELAYAM - LANGKAH MELINDUNGJI DARI RISIKO LANUN

**20. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk melindungi nelayan kita terhadap risiko lanun di laut; dan
- (b) apakah Kerajaan akan mengizinkan pengupah buruh asing dalam bidang perikanan termasuk menjadi buruh nelayan asing.

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk melindungi nelayan-nelayan kita terhadap risiko lanun di laut, langkah-langkah berikut telah diambil:-

- (i) Nelayan dinasihatkan:
  - (1) Menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia sahaja.
  - (2) Mematuhi dan mengenali kawasan perairan Malaysia.
  - (3) Pergi ke laut dengan cara berkumpulan.

- (ii) Nelayan bot 70 GRT ke atas telah diarah mengisi borang keluar dan masuk dari pengkalan dan nelayan bot yang lain telah dinasihatkan berhubung selalu dengan pengkalan perikanan marin dan pengkalan agensi penguatkuasaan maritim lain berkenaan dengan kegiatan penangkapan ikan mereka.
  - (iii) Agensi penguatkuasaan maritim seperti Jabatan Perikanan Malaysia, Polis Marin, Tentera Laut DiRaja Malaysia membuat yang kerap dan rapi di kawasan perairan perikanan Malaysia dan bereedia membantu nelayan tempatan sekiranya dikehendaki.
  - (iv) Agensi Kerajaan seperti Tentera Udara, Unit Udara Polis dan Jabatan Perikanan membuat pengawalseliaan menggunakan pesawat masing-masing demi bersedia memberi bantuan kepada nelayan yang memerlukannya.
  - (v) Untuk menyelaraskan kegiatan agensi penguatkuasaan maritim, Kerajaan telah mewujudkan dan mengoperasikan Pusat Penyelarasaran Penguatkuasaan Maritim (PPPM), supaya apa sahaja keperluan usaha membantu nelayan boleh dikoordinasikan dengan berkesan.
- (b) Dasar Jabatan mengenai penggunaan kru asing adalah:-
- (i) Kru asing adalah dibenar digunakan di atas vesel laut dalam di seluruh negara dan vesel-vesel bermuatan 40 GRT sehingga 70 GRT di Pulau Langkawi, Perlis, Kelantan dan Kuala Besut, Terengganu sahaja.

(ii) Bilangan kru asing yang dibenarkan bekerja di atas vesel-  
vesel tersebut hendaklah tidak melebihi 70% dari jumlah  
kru di dalam lesen sesuatu vesel itu.

#### SEKTOR PERTANIAH - USAHA MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT

**21. Tuan Mohd. Zain bia Haji Mat Daud** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat dalam sektor pertanian. Nyatakan butir-butir terperinci mengenai program yang dijalankan berhubung dengan perkara di atas.

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sentiasa memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat dalam sektor pertanian khususnya petani, penternak dan nelayan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Pertanian Negara baru telah dilancarkan pada awal tahun 1992 dan merupakan langkah berani Kerajaan, khususnya Kementerian ini, untuk mempergiatkan dan memusatkan pembangunan sektor pertanian demi kepentingan rakyat petani, penternak dan nelayan. DPN memberi arah dan menggariskan tindakan untuk meningkatkan hasil pengeluaran bahan makanan khususnya, dan barangan pertanian lain yang diperlukan oleh negara secara amnya. Di antara program/projek yang telah dijalankan oleh Kementerian dengan kerjasama Jabatan/agensi di bawahnya, tennasuklah perkara-perkara berikut:

- (i) Penyediaan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saliran, pencegahan banjir dan jalan ladang;
- (ii) Penyediaan kemudahan/perkhidmatan pengembangan, khidmat nasihat kemudahan kredit pertanian dan pasaran;
- (iii) Menerokai dan promosi pasaran baru hasil pertanian di dalam dan luar negeri;
- (iv) Pengeluaran komoditi terpilih seperti buah-buahan tropika, bunga-bungaan, hasil akuakultur dan laut dalara;
- (v) Pembangunan sumber tenaga manusia;
- (vi) Pembangunan dan penyelidikan;
- (vii) Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT); dan
- (viii) Melaksanakan projek-projek pertanian bersepadu (IADP) di kawasan-kawasan mundur.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pertanian telah diperuntukkan lebih daripada RM4,508 juta untuk melaksanakan program/projek membangunkan sektor pertanian.

Kementerian Pertanian akan terus berusaha untuk memajukan sektor pertanian demi untuk membela nasib petani, penternak dan nelayan di samping mempergiatkan pembangunan sektor pertanian di dalam arus pembangunan negara keseluruhannya.

Tuan Tang **di-Pertua**: Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaaa bagi Jawab Hulut telah cukup dan Jawapaa bagi Pertanyaan No. 22 hingga 65 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**USUL****PINDAAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 13(2)****3.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994, sebagaimana yang tertera sebagai No. 3 dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No.2 dan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1994 yang disenaraikan sebagai No. 2. hendaklah dijadualkan sebagai No. 10."

**Timbalan Menteri Pertanian [Dr. T. Marimuthu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Tang di—Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

"Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994, sebagaimana yang tertera sebagai No. 3 dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini hendaklah dijadualkan sebagai No. 2 dan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1994 yang disenaraikan sebagai No. 2 hendaklah dijadualkan sebagai No. 10."

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1994) 1994****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang dicangguhkan atas raasalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[20hb. Julai, 1994]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah menyambung ucapannya.

**3.35 ptg.**

**Datuk Haji Abmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak RM55,200,000 diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi digunakan untuk mengatasi banjir kilat yang berlaku

bila-bila masa sahaja apabila hujan lebat. Memang banjir kilat ini menyerang di bandar-bandar dalam negeri-negeri di negara kita ini yang dahulunya belum pernah berlaku. Ini adalah kerana dalam melaksanakan pembangunan industri perumahan dan industri perkilangan dibangunkan di merata-rata negeri, kebanyakannya pemaju bagi membangunkan industri perumahan dan perkilangan itu tidak mentaati kehendak-kehendak Majlis Kerajaan Tempatan. Kemudian apabila kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi oleh pemaju, Majlis Kerajaan Tempatan juga entah apa tekanan yang kena menyebabkan dia lepaskan itu begitu sahaja, melonggarkan tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil hingga raenyebabkan tidak ada peraturan yang diikut, jadi, saluran-saluran paip-paip air dan parit-parit tidak dibuat dengan sempurna, akibatnya sungai-sungai habis tertutup, dan tidak boleh mengalirkan air ke laut.

Jadi, saya rasa begitu banyak peruntukan kita gunakan apabila sahaja berlaku ketidaksungguhan melaksanakan tugas pembangunan perumahan dan industri **itu**, Kerajaan mengambil alih pula untuk membekalkan kewangan yang begitu banyak menyelesaikan masalah yang sepatutnya dibuat oleh pemaju perumahan dan pemaju perindustrian.

Jadi, saya suka mengingatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang kata Menterinya hari-hari keluar dalam TVnya, tindakan tegas kami akan ambil. Jadi, hendaklah diambil tindakan yang sebetulnya bagi membolehkan banjir kilat ini tidak lagi melanda ke bandar-bandar walaupun dahulunya banjir ini hanya melanda di kampung-kampung yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi kepada Polis DiRaja Malaysia juga begitu banyak - RM49,600,000 untuk membeli peralatan dan menyediakan kelengkapan yang begitu canggih bagi mengatasi keamanan dalam negara kita dan hendak melawan penjahat-penjahat. Saya bersetuju segala kelengkapan dicanggihkan, dibeli benda-benda yang hebat, senjata-senjata moden, helikopter dan juga kapal-kapal laut yang boleh menangkap lanun-lanun serta penjahat-penjahat di darat. seperti kelengkapan tentera kita sekarang yang begitu canggih. Jadi, saya tidak hendak menegah dan saya menyokong peruntukan itu. Cuma dalam menangkap penjenayah, Polis DiRaja Malaysia ini sahaja ada sedikit tidak berkenan tetapi bagaimana jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri, saya tidak tahu.

Apabila penjenayah ditangkap, kemudian digari tangannya dengan Polis, Fasal apa Polis ini digari dengan penjenayah? Penjenayah ini sepatutnya digari depankah, gari di belakang ini, suruh sahaja dia berjalan, dia tidak boleh melawan. Ini yang digari dengan tangan Polis. Ada penjenayah itu besar badannya. Polis kecil. Kalau dibantingkannya atau dia lari pun, teruk juga Polis **itu**. Jadi, apakah sebabnya, harap boleh diberi jawapannya - sebab digari dengan Polis. Sepatutnya, yang jahat itu digari. Polis yang tidak lakukan kesalahan pun digari. Ini tidak berkenan saya memandangnya.

Kemudian dalam masalah kecurian. Pernah berlaku baru-baru **ini**, dua-tiga perkara yang saya tengok. Kecurian berlaku, yang hebat sedikit mengenai motosikal dan basikal.

Kita pun tengok dalam suratkhabar hari itu ada seorang tua yang berumur 56 tahun menganggur, dia mencuri basikal sampai beratus. Belum lagi polis dapat tangkap, orang mengadu balik, tunjukkan penjahat tni yang mencuri basikal.

Baru-baru ini satu kejadian di Kajang. Seorang pemuda telah kehilangan motosikal. Dia minum air di sttu, kemudian motosikal yang dia simpan di tepi jalan itu dia cabut kunci, tetapi penjahat ada "master key" barangkali. Tiba-tiba motosikalnya dilarikan oleh penjahat, nampak penjahat itu lari. Jadi, dia hendak kejar, dia tidak ada kenderaan. Dia mesti report kepada polis dan minta pertolongan daripada polis untuk mengejarnya. Jadi, undang-undang atau peraturan ini mana silapnya? Di Balai Polis apabila orang hendak datang report, kalau kita tengok di Indonesia, saya ada lama duduk di Indonesia. Kalau kita report, kita kata motosikal MX 7856 dilarikan oleh penjahat. Jadi, di Indonesia yang tukang report dan yang ambil report pun nanti dulu semasa dia menerira report. Tetapi pasukan dia telah mengejar penjahat terlebih dulu. Jadi, dia kejar dulu motosikal ini sampai dapat tangkap pencuri itu dan dia pakai 'intercom' raemberitahu pasukan peronda supaya apabila jurapa motosikal itu, hendaklah ditahan.

Tetapi kejadian di Kajang pada hari **itu**, pemuda ini pergi report, Habis dia tanya siapa nama, mana pasport engkau, tunjuk kad pengenalan. Sesudah tunjuk kad pengenalan, mana lesen raotor. Motosikal engkau apa nombornya? Apa pasal engkau punya motosikal

hilang? Mengapa datang ke sini, dia tanya pula. Kau datang ke Kajang buat apa? Kemudian sudah siap seraua, dia kata, pasal saya dekat sini ada kawan dan saudara, saya datang 'jalan'. Belum juga ambil apa-apa report. Penghabisan sekali dia tanya mana geran? Siapa ada naik motor bawa geran? Geran motor yang ditunjukkan nama awak. Insurans mana atau apa benda, setnua dia hendak dulu. Apabila pemuda ini tidak dapat tunjukkan sentua ini, dia kata mana saya ada bawa. Semua orang naik motosikal tidak ada bawa geran. Ini motosikal saya betul. Kalau tidak percaya, checklah dekat RMIV besok. Dia kata kalau tidak ada geran ini semua, ini hari tidak boleh report. Awak pergi cari sendiri dulu. Motosikal itu sudah hilang. Kemudian dia cari sendiri. Sampai besok, dia kata kena report. Jadi, budak ini terpaksa balik ke Melaka mencari geran dia dan semuanya, Kemudian besok pagi, pergi report. Polis lain pula, dia kata malam hilang, hari ini baru engkau hendak report. Buat apa engkau sibuk-sibuk? Jadi, cara yang macam ini semua pencuri boleh melarikan harta benda kita sama ada motosikal atau motokar, polis tidak dapat cari.

Jadi, akhirnya besok, rakyat akan menubuhkan satu pasukan "Pengejar. Pencuri". Macam dalam filera pula dia kata, leceh lagi filem-filem Amerika, ini leceh semua. Hendak tunggu daripada pasukan keamanan baik aku pergi serang sendiri. Itu yang menjadi Rambo dan semua pergi perang sendiri. Jadi, saya minta supaya apabila orang report benda itu hilang, tukang mengambil report buatlah apa pertanyaan. Tetapi polis apabila kena macam itu, nombor motokar MH 7856 dicuri oleh orang, lekas diadakan panggilan peronda dan lain-lain kejar kereta itu atau buat sekatan jalanraya.

Lagi satu perkara berkenaan dengan polis tni pakaian seragam **dia**. pia punya uniforro itu sudah bertukar sekarang berwarna biru. Saya tengok-tengok sudah tidak berapa takut lagi, tidak berapa orang kata 'kick' atau tidak 'menangkaptah'. Sudah macam pegawai penguasa Majlia Perbandaran sahaja, sama baju itu. Majlis Perbandaran pun pakai bukan main hebat, Sarjannya semua sampai Inspektor. Jadi, polis pun sampai Ketua Polis Negara pun tidak macam dia punya taraf tidak berapa tinggi. Jadi, kalau boleh dikaji balik uniform yang seperti **itu**, tukarlah yang **lain**. Kalau warna macam pemandu kapal terbang, tidak mengapalah juga.

Jadi, berkenaan dengan polis negara ini, cukuplah setakat itu. Yang lain-lain, pasal persiapan, peralatan dan segala jentera-jenteranya, kita pujilah kerana peruntukan ini terbesar diberi. Kerana mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sernalam mengatakan bahawa satu cara komputer yang hendak dibuat, daripada Ibu Pejabat Bukit Araan sehingga ke kampung-kampung, selaraskan komputernya dan masukkan segala maklumat. Ertinya, kalau maklumat kampung saya Durian Tunggal, ibu pejabat Bukit Aman sana tekan, dapat tahu - kot ada jenayah dekat Durian Tunggal dan **lain-lain**, berapa ramai polis dan **lain-lain**. Begitu juga di Durian Tunggal .kalau hendak mengetahui. maklumat dan **lain-lain** melalui komputer. Ini adalah sangat disokong kerana memberikan kecekapan kepada Polis Diraja Malaysia.

Kemudian peruntukan untuk Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya bersetuju juga Kementerian ini diberi

peruntukan tambahan tetapi tidak banyak sangat iaitu RM255,250 sahaja kerana untuk melaksanakan tugas kasih sayang bagi membela orang-orang yang telah binasa kerana berbagai-bagai masalah sosial. Jadi, wanita yang terperangkap dalam skandal seks dan lain-lain, begitu juga orang-orang tua yang patut dibela.

Tetapi saya bersetuju dengan Menteri ini beberapa hari yang lalu mengatakan bahawa anasir sosial yang telah roaak ini ialah kerana permainan snooker dan karaoke. Snooker dan karaoke ini merosakkan keadaan sosial anak-anak muda. Lepas itu dia kata, "tidak mengapa" pula - tidak ada hendak merabawa usul ke Kabinet. Saya bersetuju snooker dan karaoke ini merosakkan. Saya tidak pergilah tetapi saya mendengar orang yang cakap, saya dengar orang yang pergi main ini. Walaupun snooker itu hanya sorong-sorong buah sahaja tetapi ada anasir-anasir judi dan minuman keras dalam kelabnya begitu hebat, ada minuman. Kalau hendak masuk main snooker, ada minuman - menggalakkan anak-anak muda pandai minum arak dan juga berjudi. Karaoke ini lagi saya tidak masuk. Saya pun tidak pandai hendak bernyanyi. Khabarnya pada permulaannya kelmarin, hanya mengikuti lagu-lagu dan menyanyi. Wakil Rakyat ramai pergi, ya! Kemudian apabila sampai dekat sana, makin lama makin ramai orang minat. Remudian seronok-seronok, jadi pelayan yang hendak raeletakan dan memainkan karoake itu terdiri daripada wanita-wanita cantik. Makin lama makin melarat sehingga ada yang boleh wanita itu dibawa tidur. Jadi, saya rasa anasir seperti itu tidak baik dan patutlah dihapuskan karaoke dan snooker. Ia pun bukanlah budaya kita. Karaoke ini siapa punya budaya? Kita menyanyi macam P. Ramlee lagi baik.

Jadi, Kementerian Penerangan kita beri peruntukan sebanyak RM13,332,200, banyak juga, hendak mencanggihkan segala alat jentera supaya kita tengok TV lebih baik. Cuma malant tadi sahaja ya, Angkasapuri punya TV1 dan TV2 buat pasal. Jadi, kita tengok TV muka orang ada, suara tidak ada. Empat lima minit rosak ialah kerana elektrik. Elektrik ini Kementerian lain, bukanlah salah Kementerian Penerangan. Elektrik kita dua kali termati. Jadi, kita tengoklah TV3.

Tetapi dalam begitu banyak kita selalu memberi peruntukan, TV ini mengambil juga faedah peruntukan daripada tayangan-tayangan iklan. Saya tidaklah marah sangat ditayangkan seraua iklan, dalam iklan itu ada juga pengetahuan yang kita tak tahu, kita boleh jadi tahu. Jadi, iklan-iklan yang keluar raemanglah kalau kita tak tahu pun dalam tekak kita ini dia boleh bercakap. Dia cerita, Alah, tekak saya ni sakit. Keluarlah satu gula-gula lapisan baru sihat. Iklan yang macam itu rupanya dalam leher ini ada juga benda yang boleh bercakap. Itu tidaklah memerlukatkan. Tetapi untuk mendapatkan kewangan, hendaklah kita pegang kepada prinsip kita.

Dalam kempen yang heboh oleh Kementerian dan Menteri-menteri di negara kita, terutama Timbalan Menteri Kesihatan semalam bersungguh-sungguh mengatakan musuh besar kepada negara ialah rokok, tetapi saya hisap rokok, tak mati pula. [Ketawa] Kemudian, ada orang yang tidak hisap rokok, sakit jantung juga. Kemudian, rokok ini adalah satu perkara yang merbahaya, membunuh lebih daripada AIDS, itu semua, sehebat-hebat, hendaklah membanteras rokok. Tetapi dalam iklan TV, rokok itu dia sudah tidak keluarkan lagi, tetapi dia keluarkan helang, Ceh, Winston. Kita tengok helang begitu segar kerana menghisap rokok Winston, kita pun hendak hisap juga. Kemudian, Peter Stuyvesant, sampai naik jemu kita.

Jadi, segala iklan-iklan rokok itu dimasukkan dalam masa ditayangkan cerita-cerita yang serius. Kadang-kadang di Malaysia ini

orang yang buat drama sudah bagus. Drama dia tinggi nilaiannya dari-pada drama negeri Barat. Tinggi dari segi seni kata dia hebat-hebat, kadang-kadang dia" ikut macam Hindustan, dia tengok filem itu. Kalau filem Hindustan mengatakan, 'Bahg, kau jangan mati. Kalau engkau mati, bang oi, (abang dia nak terbunuh - satu filem Hindustan hari itu saya tengok, penjahat terobak abang dia dan nak raati), dia kata, 'Bang oi, jangan mati. Kalau abang mati, saya akan bakar seluruh dunia'. Ha, begitu hebat dia punya seni kata. Jadi, Malaysia pun sudah mula membuat drama yang bagus-bagus. Tetapi sama ada drama yang bagus atau cerita yang baik-baik, macam cerita P. Ramlee pada malam tadi. ' Iklan F&N mula keluar, kemudian dengan tayahgan-tayangan filem rokok dan lain-lain, sehingga hilang cerita itu. Orang pun sudah naik benci, tak kuasa lagi tengok cerita itu, iklan sahaja. Jadi, kalau boleh, kurangkan iklan yang lain ataupun buang segala iklan rokok. Kenapa kita cakap tak boleh merokok, tetapi iklan merokok masih begitu hebat semua jenis rokok. Dunhill ini dia katalah tali pinggang, tengoklah cantik, paut pinggang, menari. Tetapi tujuannya, kalau kita boleh menghisap rokok, dapat memaut pinggang wanita. Jadi, seronok ini kalau hisap rokok Dunhill. Jadi, hendaklah Kementerian Penerangan cuba memberhentikan iklan yang berunsur rokok. Jadi, saya bersetuju, tambahan peruntukan tak ada siapa pun yang membantah, kerana hendak pilihanraya ini lagi bagus banyak peruntukan, senang saya nak kempen.

#### [Ketawa]

Maksud B.49 pula Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Berkenaan surat lewat sudah pun dijawab tadi, jadi aaya pun tak hendak ganggu. Kadang-kadang surat lewat ini ada juga saya dapat cek apa fasal lewat.

Daripada Parlimen inipun misalannya, ada yang lewat. Parlimen ada tulis surat kepada kita atau Kementerian di peringkat Pusat. Ini kadang-kadang kita salahkan Pos, tetapi kita cuba baca betul-betul surat itu. Saya ada baca surat di Melaka sahaja, ada sebuah jabatan yang bertanggungjawab, dia tulis 5hb Mei, dia hantar surat kepada saya, kemudian sign di bawah kita tak Cahu berapa haribulan. Kemudian bila dibuka, di belakang sampul surat bertarikh 25hb Mei baru office boy itu pergi poskan. Inipun pernah terjadi juga.

Pegawai-pegawai di sini mengatakan sudah kirim, Pos Laju hebat pagi ini, nanti pukul 2.00 petang Yang Berhormat terima, tetapi tak terima. Empat lima hari pun masih tak terima. Jadi, office boy dalam pejabat itu kadang-kadang dia kumpulkan semua bahagian-bahagian, baru dia hendak pergi post office. Ada juga kawasan yang posmennya itu tak ramai,. seorang, tetapi dia pergi menghantar surat sampai lima enara solok, macam di kampung saya. Jadi, terpaksalah tiga solok pada hari yang pertaraa, besok hari yang kedua, solok lain, jadi lewatlah satu dua hari. Jadi, Menteri tadi hendak mengatasi masalah pos, saya bersetujulah kita beri peruntukan.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Telefon di mana Kementerian ini ada bersangkut-paut dengan telefon. Saya meminta supaya Kementerian ini dapat menyiasat, sudah lama saya berfikir, ingatkan main-raain. Apabila hari minggu malam, ertinya hari Ahad siang, malam itu orang kampung kata 'malam Isnin'. Hari Ahad malam Isnin - di kampung saya sahaja, tempat lain saya tak hendak bercakap, di kampung saya, tulis sikit ya, Durian Tunggal - Pooh, Durian Tunggal - sebiji sahaja, bila kita hendak becakap di telefon kepada terapat lain daripada rumah kita

itu tak dapat, dia bunyi, **tot, tot; tot, tot, tot, tot**, macam tak ada servis, sama ada kita telefon seluruh Melaka, iaitu Kuala Linggi, Alor Gajah, bahkan yang paling berhampiran dengan karapung saya, Parit Merana, sebatu lebih jauhnya, Gedangsa sejauh dua batu pun tak dapat. Jadi, apabila malam minggu, saraa ada dipakai oleh semua orang atau dia fikir hari minggu malam ini orang tak hendak pakai, dia tutup telefon-kah? Jadi, mintalah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini menyiasatnya.

Selain daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi diberi sebanyak RM4 juta. Saya bersetuju untuk memajukan koperasi tadi. Kalau saya hendak ulas koperasi, ada yang bankrap, Koperasi Pembangunan Daerah ini apa dia buat? Kadang-kadang ahli-ahli politik mengambil kesempatan sehingga tidak memberi peluang orang yang benar hendak mentadbirkan koperasi itu. Kemudian, dia menjadi diktator pula dalam koperasi sehingga koperasi itu bankrap. Itu semua biarlah diuruskan oleh pentadbir koperasi.

Tetapi saya tertarik. hati kepada Menteri yang baru yang memegang Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini bercakap di Johor Bahru mengatakan bahawa Kerajaan Negeri janganlah mengambil tanah-tanah rizab orang-orang Melayu untuk membuat pembangunan industri ataupun pembangunan perumahan, sebab menyalahi peraturan dan Undang-undang Kanun Tanah Negara. Kalau ya, hendaklah Menteri itu memberitahu kepada Kerajaan Negeri-negeri yang berkenaan supaya jangan terlangsung.

Saya pun berfikir juga macam negeri saya, tanah rizab Melayu, tanah adat Melayu habis semua, diambil sehingga bogel, tak ada lagi hutan, rimba, sawah padi saya, belakang rumah saya pun sudah diukur, tempat saya dulu mandi sungai dengan isteri saya, sungai-sungai pun hendak diambil dan hendak ditutup, akhirnya saya tinggal selonggok. Rumah yang tidak mempunyai kawasan lagi, semata-mata itulah industri perkilangan.

Orang-orang Barat yang telah maju mengkaji kesalahan di Barat kerana membuat industri dan perumahan sehingga membotakkan semua sekali perkara-perkara yang patut menjaga nyawa kita.

Kita baca buku mengenai pemimpin-pemimpin di Barat, ahli-ahli psikologi, Drs. profesor, master dan macam-macam, mengkaji bahawa kesalahan di Barat itu patut kita jadikan teladan. Kerana seorang profesor di Barat raengatakan bahawa keperluan hidup kita ini ada tiga perkara yang paling penting, yang boleh menyebabkan kita hidup segar.

Yang pertama sekali dia kata ialah udara. Kalau kita tidak dapat udara dalam tempoh 2 minit, dia kata kita akan mati - betul juga. Siapa tidak percaya mari kita masukkan dia ke dalam tong sekarang dan kita tutup hidung dan mulut **dia**. Siapa berani - mari; 2 minit - mati, melainkan kalau ada ilmu kebal dan lain-lain saya tidak tahu.

Pada masa sekarang dengan pembangunan industri yang begitu hebat sampai tidak ada tapak lagi, sawah habis ditutup, sungai hancur, pokok-pokok leban yang begitu sedap diduduki oleh eegala burung, mergastua, bunga-bunga yang indah, hutan-hutan rimba dikikis dibawa bulldozer. Hutan yang begitu tinggi, gunung-ganang yang begitu hebat, yang cantik, yang boleh mengeluarkan air mengalir ke dalam sungai seterusnya ke lautan. Kemudian kita lari pergi ke hutan-hutan rimba, kita kikis sehingga udara tercemar, sehingga

tidak ada udara yang baik, habuk sahaja. Motokar saya kalau letak di situ sekejap, dekat dengan kawasan apa pun di negeri Melaka sekarang ini sebenarnya sudah ada habuk, kelmarin tidak ada. Udara bila tercemar, kalau diri kita tidak tutup pun, kalau badan kita dalam tong udara, tetapi udara yang mencemarkan, yang kita sedut sekarang menyebabkan penyakit, darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, kaki sakit tidak boleh angkat, lemah lutut, lemah otot-otot, ketika ini pun hendak angkat tidak boleh lagi akibat kecemaran. Jadi, hendaklah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tadi menentukan dengan Kerajaan Negeri atau membawa undang-undang dalam Dewan ini supaya menentukan Kerajaan Negeri jangan sapa bersih segala tanah-tanah rizab, bukan sahaja tanah orang Melayu. Sekarang estet-estet pun sudah habis kerana kehidupan kita bergantung kepada udara.

Yang kedua, kehidupan kita ini hendaklah mempunyai bekalan air bersih. Cuba kita tengok sekarang pelarian di Rwanda, Somalia tidak dapat air, sehari beribu-ribu orang mati, kalau tidak mati pun tidak guna hidup lagi, segala hidung, mukanya semua lubang-lubang dihingapi oleh lalat. Tiap-tiap malam kita tengok 'Dunia Jam 10', bagaimana akibat tidak mempunyai **air**. Bila diberi air mereka berebut, airnya tidak dapat diminum, mereka mati, malam tadi mereka berbantai-bantai menggunakan rotan. Jadi, air adalah sangat mustahak, janganlah Kerajaan-kerajaan Negeri ini memikirkan industri sahaja sehingga mendirikan kilang begitu banyak, akhirnya **bila** besok tidak ada air,

kilang tidak boleh jalan lagi. Jadi, orang yang akan bekerja pun akan mati. Oleh itu kenalah fikir, kilang-kilang yang hendak didirikan itu tadi hendaklah kita seirabangkan supaya jangan segala sungai-sungai yang besar-besar pun kita tutup, segala gunung-ganang pun kita cungkil, sumber-sumber yang boleh mengeluarkan air. Kalau kita tidak dapat air kata profesor itu orang yang paling kuat tenaganya pun, air sudah banyak dalam badan pun kalau tidak dapat air 14 hari dia akan mati, tadi dua minit, Kalau kita habiskan segala hutan rimba, segala sawah padi, segala kebun-kebun getah, kebun kelapa sawit, dipajak diambil beribu-ribu ekar kerana hendak buat industri sahaja, panggil orang Taiwan, orang Jepun, Amerika. Tidak cukup sana panggil orang Italy dan entah apa-apa lagi. Orang-orang itu akan mendapat keuntungan besar. Anak-anak gadis kita tidak mendapat gaji yang baik. Saya tanya sekarang paling tinggi pun RM11, kalau baru masuk kerja RM7, sebulan RM280, tolak makan, 'itu', 'ini' semua tinggal RM80, tidak dapat beri emak RM20. Tetapi untuk menguntungkan orang-orang luar negeri ini, kononnya kita hendak mengatasi pengangguran, tetapi ramai orang tidak hendak kerja dalam kilang sekarang kerana gajinya murah.

Semalam Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri sudah mengaku bahawa tidak usah dirikan kilang yang ramai raengguna-kan pekerja. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir muh semua kilang-kilang menggunakan komputer, dapat 20-30 orang pekerja macam kilang yang dirasmikan semalam; 30 orang sahaja cukup, 30

tenaga manusia cukup supaya tenaga manusia tu mendapat gaji yang lebih mahal. Jika kita dirikan semua sekali kilang dan lain-lain, dengan bangunan yang tinggi, rumah-rumah yang cantik, banglo-banglo yang hebat-hebat, tiba-tiba katalah perang berlaku. Perang ini sentiasa hendak berlaku.

Saya sudah hidup cukup lama, saya tahu lah. Pada masa Jepun yang lalu, sebelum Jepun masuk saya memanglah anak orang yang ada sedikit duit, sihat bukan main lagi bapa bela, hendak pergi sekolah pun bapa pikul atas belakang, kerana tidak mahu kaki saya jatuh ke tanah, terlampau manja, rumah cantik, nenek pun banyak duit.

Apabila datang perang, iaitu perang Jepun (Perang Dunia ke-2), maka negara kita dilanda oleh kesusahan kerana barang-barang daripada luar negeri hendak masuk ke negeri kita, barang-barang negeri kita pun hendak jual keluar tidak boleh.

Ini negeri kita dekat dengan perang, Korea Utara dengan Korea Selatan belum tahu lagi perang ataupun tidak. Amerika pun masih dicucuk juga lagi. Dia kata "Engkau jangan main-main, engkau kalau tidak siap senjata, besok Korea Utara 'tala' engkau, habis negeri engkau", pada hal tidak. Macam saya cakap semalam memang hasutan perang ini dibuat oleh kuasa-kuasa besar kerana dia sudah terlampau ramai tentera, kemudian banyak duit, alat jenteranya tidak ada hendak dibawa ke mana, senjata-senjata besar yang begitu banyak tidak dibeli orang. Jadi, apa yang dia hendak buat, dia suruh

gaduh. Kalaualah gaduh, kalaualah peperangan berlaku di Asia Tenggara ini, juga di Barat sehingga perdagangan luar negeri tidak dapat masuk ke mari, kita pun tidak dapat berdagang di luar, ketika itu kita perlukan apa sahaja yang boleh menolong untuk makanan kita. Kalau kita tidak makan selama 34 hari, kita akan mati,

Pada masa Jepun, saya merata dikatakan anak orang hebat-hebat, anak pak imam yang kaya, yang senang, tetapi tidak ada makanan, pakaian pun tidak ada. Jadi, bapa saya terpaksa menjadi hero, walaupun dia iraam, dia haji terpaksa menjadi kepala memecahkan kereta api yang ada di Belimbing Dalam. Di dalam kereta api itu ada trak, ada makanan, biskut dan lain-lain makanan yang dibawa oleh tentera British yang lari kerana diserang oleh Jepun. Di dalam kereta api itu ada kain canvas dan lain-lain. Itulah kami gunting, kami buat baju, bahan makanan, kami makan. Selepas itu tidak ada lagi makanan, terpaksalah kami pergi ke dalam satu kawasan ntacam Umbur sana, menanam padi atas daratan, menanam ubi dengan orang-orang Cina. Dalam kawasan itu Cina sahaja semua, saya bersama dua tiga orang sahaja Melayu, tarik kereta lembu, Hantar makanan itu daripada Umbur sampai ke Serkam untuk menolong orang-orang yang tidak ada makanan.

Orang dalam town nombor satu yang kebulur sekali, saya menjual ubi ke dalam town. Sekarang orang pandang ubi tidak hendak. Ubilah yang menolong orang hidup, ubi itu disagat supaya yang belura

masak, dicampurkan digoreng dijadikan macam **mee**. Akhirnya bila dimakan, bila kita buang **air**, najis kita macam 'najis anjing', tetapi hidup juga. Air boleh kita minum daripada sungai itu juga, walaupun tidak ada air oren dan lain-lain. Jadi, kalau keseluruhannya tanah-tanah dan segala hutan rimba, padang-padang yang cantik, sawah-sawah padi yang romantis ini, yang memang cantik bahagia bagi kita diarabil, kuasa rakyat tidak boleh menahan lagi kerana undang-undang telah diluluskan oleh Dewan Negara **ini**, tanah mana yang hendak diambil, kerana kita telah luluskan. Tetapi janganlah yang kita luluskan dalam Dewan Negara ini digunakan kuasa itu oleh Kerajaan-kerajaan 'Negeri sesuka hati raengamtil tanah tersebut.

Dia kata, "saya tidak peduli apa-apa, sekarang saya mahu 'lapun' - ambil, kerana hendak buat kemajuan." Jadi, kita pun sama-sama kempen, kita kata, ini kemajuan, jangan ditahan."

Tetapi apabila saya melihat kemajuan ini saya khuatir satu hari nanti saya tidak mempunyai tanah, eaudara saya tidak ada rumah dan tanah tidak diganti dengan tanah yang lain. Yang tinggal hanya rumah awam dan rumah ini pun sudah berebut sekarang. Keluarga yang beranak lima pun hendak tinggal di rumah awam. Rumah awam itu hanya sesuai untuk keluarga yang terdiri daripada seorang suami, sorang isteri dan seorang anak. Tetapi sekarang sudah berebut kerana tanah-tanah semuanya sudah diambil oleh Kerajaan. .0. kata, "tidak boleh lawan kerana ini undang-undang sudah diluluskan oleh Parlimen - Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah yang lulus." Saya pula yang salah. Tetapi boleh dibayar ganti rugi.

Ganti rugi inilah yang kadang-kadang kita sedih. Kita tengok ganti rugi yang dibuat kepada rakyat ialah 40 sen satu kaki persegi tetapi kita dengar kilang yang hendak membeli tanah itu dikenakan sampai RM20 sekaki persegi. Berjuta- juta ringgit untung. Habis, dengan duic 4 ekar tanah tadi dia dapat untung RM90.000, dia hendak beli satu tapak rumah pun tidak dapat. Sekarang kalau dia minta seekar tanah kepada Kerajaan, Kerajaan kenakan premium RM90.000. Tanah dia diambil 4 ekar, bila minta pula tanah Kerajaan, lulus, tetapi eekar dikenakan premium RM90,000 - habis, dan dia tidak boleh buat rumah. . Jadi, atas kebinasaan seperti ini saya minta supaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini,

apabila sudah insaf dan diharap dengan ada Menteri yang baru sahaja dilantik, apabila mendapat raasalah ini akan menghancurkan nasib rakyat, silalah ambil tindakan tegas dan bawalah cerita ini ke dalam Kabinet untuk mencari ikhtiar supaya jangan sampai kita hendak membangunkan negara ini dengan industri, kilang dan juga perumahan sehingga kebinasaan akan berlaku kepada kita kerana kehilangan udara yang baik, kehilangan air - entah berapa banyak sungai yang sudah ditutup. Kernudian apabila awan yang mengandungi air terlanggar gunung maka turunlah hujan - ini dahulu saya belajar juga sedikit-sedikit Ilrau Alam **ini**.

Apabila awam hitam ini bergerak dan terjumpa dengan gunung-ganang barulah dia jatuh sebagai hujan, kalau tiada gunung-ganang dsitu dia tiada brake. Awam hitara ini bila terlanggar gunung baru dia jatuh sebagai air hujan yang mengalir begitu wangi, begitu bersih dan kemudian ia masuk ke dalaro parit-parit, sungai-sungai dan seterus mengalir ke laut menyebabkan kita mendapat tadahan air yang baik. Kalau ini juga dibinasakan, tanah-tanah seekar pun tidak ada lagi, untuk bertanam pun tidak ada, apabila terjadi perahu akhirnya kita akan memakan batu kilang industri itu dan batu yang dibuat rumah kita itu kita akan gigit. Sanggupkah kita menggigit batu?

Itulah sahaja yang saya rasa patut dicakapkan di sini dan akhirnya saya menyokong penuh segala peruntukan tambahan yang diberi kepada Kementerian-Kementerian berkenaan tadi inengikut Rang Undang-undang iaitu suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi saya peluang berucap dalam Majlis Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

4.25 ptg.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Bismillaahir-Rahmaanir-Rahiim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terlma kaaih kerana memberikan peluang kepada saya berucap di atas tajuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Juralah yang dikehendaki ialah sebanyak RM249,550,950. Sebelum saya teruskan berhujah berkaitan dengan Akta ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kerana merestui perlantikan saya bagi Penggal Kedua sebagai Ahli Dewan Negara. Di samping itu juga terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di atas persetujuan perlantikan itu.

Palam membahas Rang Undang-undang ini, teguran-teguran berikut perlu diambil perhatian dan tindakan yang sepatutnya:

- (i) perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat perlu diambil kira peruntukan-peruntukan kepada pihak-pihak yang kurang berasib baik terutamanya mereka yang di luar bandar;
- (ii) Pengawasan perlu dibuat di atas peruntukan itu supaya benar-benar dibelanjakan kepada perkara-perkara yang ditajakan; dan

(iii) segala rancangan-rancangan yang dilaksanakan dengan peruntukan ini hendaklah bermotif keselesaan kepada semua rakyat negara kita.

Menyentuh Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri, saya mengharapkan satu program raksasa diadakan untuk memastikan mana-mana pertubuhan dan parti-parti politik tidak menggunakan agama Islam sebagai alat bagi peribadi ataupun kumpulan-kumpulan seperti yang dijalankan oleh kumpulan Al-Arqam dan juga parti PAS. Perkara ini sangat-sangatlah perlu dilaksanakan dengan seberapa segera dan dengan penuh bertanggungjawab. Mengabaikan daripada tanggungjawab ini negara kita akan menerima bennacam-macam ancaman yang tidak mudah dilaksanakan pada pendapat saya.

Berkenaan dengan Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperuntukkan sebanyak RM55.2 juta, maka saya perlu ingatkan bahawa peruntukan yang dibekalkan kepada negeri-negeri di bawah Kerajaan Pembangkang seperti di Kelantan hendak diteliti dengan baik. Adakah peruntukan-peruntukan yang dibuat itu digunakan dengan betul ataupun sebaliknya.

Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. Saya menaruh penuh harapan dan meminta pihak Kementerian Belia dan Sukan mengambil berat di atas belia dan beliawanis yang berkecimpung dalam perniagaan supaya mereka ini mendapat pertolongan yang ikhlas daripada Kementerian tersebut.

Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Diminta mendapat perhatian yang ikhlas untuk kurapulan-kumpulan orang-orang tua yang miskin supaya mereka mendapat perhatian yang sewajarnya. Ada kalanya mereka yang benar-benar

patut mendapat pertolongan tidak mendapat pertolongan dan sumbang yang sepatutnya. Pengawasan-pengawasan yang **teliti** perlu dibuat berkenaan dengan perkara ini.

Lain-lain Kementerian yang berkaitan saya tiadalah apa-apa teguran yang tertentu dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

4.29 ptg.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Saya tahu bahawa wang yang dipohon di sini sudahpun dibelanjakan dan kita di sini diminta memberi kelulusan kepada Bil ini.

Sebelum itu saya juga ingin menyentuh Kementerian Belia dan Sukan iaitu Maksud **B.17**. Baru-baru ini saya ada menyaksikan beberapa hari Sukan SUKMA **Ke-5** di Ipoh. Saya mengucapkan syabas kepada peserta-peserta kita yang mengambil bahagian dalam bidang sukan tetapi ada juga kelemahan kita yang ketara yang sepatutnya tidak terjadi. Ini semua boleh diatasi dengan segala usaha dan kecekapan para pegawai sukan yang bertugas. Contohnya, dalam sukan renang acara terjun masih jauh ketinggalan. Salah satu acara terjun telah tidak dapat dipertandingkan kerana difahamkan kemudahan yang diperlukan belum cukup lengkap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting yang saya hendak sebutkan di sini ialah bangunan sukan terjun di atas darat untuk Jimnastik kita belum siap-siap lagi di mana sepatutnya bangunan ini sudah siap tersergam di sebelah kolam renang di Bandar Tun Abdul Razak.

Apa yang saya tahu secara ringkas iaitu peserta-peserta yang berenang ini sebelum berenang di negara China iaitu dia belajar dahulu, berlatih dahulu selama tiga ke lima bulan di atas darat, sudah itu barulah dilatih terjun di dalam **air**. Tetapi kita patut memberi ucapan syabas kepada peserta-peserta anak-anak yang mengambil bahagian tempoh hari, mereka ini belajar tak payah atas darat, tak payah terjun tetapi terus terjun di dalam air sehinggalah membawa balik medal emas iaitu pingat emas.

Saya difahamkan di negara China semuanya serba lengkap, kalau inilah caranya saya takut dan bimbang, pingat emas akan terlepas begitu banyak sekali di masa Sukan Komanwel 1998 nanti walhal kita yang menjadi tuan rumah, sepatutnya kitalah menggondolkan sebanyak-banyaknya pingat-pingat emas **ini**. Kalau inilah terjadi atau berlaku bukanlah salah para peserta yang mengambil bahagian kerana mereka ini semua sudah siap sedia untuk berlatih bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya, 'saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

**4,20 ptg.**

**Puan Rian Sit Har:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Pandangan saya bagi Maksud B.14 di bawah tajuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara - Dato' Dr. Haji Jamaluddin memberitahu dalam satu sidang akhbar bahawa terdapat projek-projek Jabatan Pendidikan yang bermasalah. Beliau menegaskan bahawa beliau tidak puas hati dengan projek-projek Jabatan Pendidikan yang tidak diuruskan dengan baik ini serta kesilapan pihak berkenaan mengambil kontraktor-kontraktor pembinaan dan ahli-ahli perunding yang tidak beretika untuk melaksanakan projek-projek ini. Ini telah menyebabkan bangunan-bangunan yang dibina tidak dapat disempurnakan dalam jadual dan akibatnya mengalami kerugian besar.

Saya yakin dan percaya bukan Jabatan Pendidikan sahaja yang bermasalah, jabatan-jabatan lain juga mempunyai keadaan sedemikian. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan dapat memastikan setiap sen yang diperuntukkan kepada jabatan-jabatan digunakan dengan sepenuhnya. Sekiranya jabatan-jabatan yang diberi peruntukan ini tidak berusaha dengan sebaik-baiknya dalam menjalankan tanggungjawab mereka, maka yang rugi ialah negara dan rakyat.

Mengenai persoalan rumah kos rendah pula, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengambil pendirian yang agak keras. Beliau bukan sahaja mahukan setiap projek perumahan

memenuhi perjanjian membina 30% rumah kos rendah. Beliau juga memberi amaran bahawa pemaju-pemaju yang tidak mengamalkan kehendak ini tidak akan mendapat projek baru atau permit dan bantuan Kerajaan. Oleh yang demikian, arahan Timbalan Perdana Menteri tersebut patut dijadikan peraturan atau garis panduan untuk dipatuhi oleh Kerajaan Tempatan. Sekiranya terdapat mana-mana Kerajaan Tempatan masih mengabaikan arahan membina rumah-rumah kos rendah, orang-orang yang bertanggungjawab patut dihukura dan didenda.

Pelaksanaan peruntukan rumah kos rendah dengan ketat oleh Kerajaan tidak patut dianggap sebagai sesuatu yang tidak adil terhadap pemaju-pemaju oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Kerajaan telah menyediakan Tabung Rumah Kos Rendah yang beratus juta ringgit. Oleh itu, pemaju yang membangunkan rumah kos rendah tidak lagi akan menghadapi masalah modal. Di saraping itu, Kerajaan-kerajaan Negeri patut meraperuntukkan lebih banyak lagi tanah untuk projek rumah kos rendah kerana sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri membenarkan pemaju membina begitu banyak padang golf mereka tiada alasan untuk enggan memperuntukkan tanah bagi membina rumah kos rendah.

Seterusnya, saya hendak memberikan sedikit pandangan tentang Maksud B.17 di bawah tajuk Kementerian Belia dan Sukan. Saya berharap Kerajaan dapat menimbang untuk membina beberapa buah kompleks sukan atau serbaguna di pusat-pusat bandar dan di pinggir bandar untuk membolehkan pemuda pemudi menghabiskan tenaga mereka yang berlebihan dalam bidang sukan dan kegiatan sihat. Ini juga akan secara tidak langsung mengurangkan kebudayaan lepak.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

#### 4.28ptg.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahas suatu Akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994.

Saya akan bercakap dalam beberapa perkara di antaranya ialah dalam B.17 mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Saya amat ber-setuju suatu peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Belia dan Sukan iaitu RM3.9 juta kerana kita memandangkan belia adalah pewaris generasi yang akan datang. Kehancuran moral kaum belia akan menggagalkan segala perancangan Kerajaan dalam Wawasan 2020. Apa yang membimbangkan ialah keadaan kaum belia yang seting terdedah kepada kegiatan-kegiatan negatif yang boleh mengecewakan kita seperti dadah, budaya lepak, lari dari rumah, terjebak ke lembah pelacuran dan sebagainya.

Jumlah kejadian ini terus berlaku dan amatlah sukar pembendungan yang dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan, maka pada saya tugas Kementerian Belia dan Sukan adalah berat dan memerlukan suatu perancangan yang teratur dan sentiasa bergerak maju dengan peruntukan yang besar. Setakat ini saya ingin mendapat pengetahuan daripada pihak Keraenterian Belia dan Sukan, sejauh manakah Dasar Belia Negara ini diimplementasikan dengan berkesan? Dan apakah dasar ini benar-benar berjaya dalam meletakkan belia negara ini sebagai suatu badan belia yang progresif dan dinamis.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan banyak program-program latihan belia yang dijalankan di negara **ini**. Saya dapati boleh dikatakan sebahagian besar daripada pusat-pusat latihan belia telah ditubuhkan di dalam negara kita **ini**, tetapi yang saya hendak nyatakan di dalam Dewan ini, apa yang telah pun diberi latihan kepada belia-belia itu. Setakat manakah follow-up ataupun sebagai suatu gerakan sampingan yang dapat diberikan oleh pihak Kementerian, kerana apa yang saya dapati, apakah program-program ini benar-benar dapat mencapai target yang dicita-citakan oleh Kerajaan?

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Saya dapati, keadaan belia dalam penghisapan dadah dan sebagainya terus berlaku dan juga penambahan bilangan mereka yang terdedah dalam bidang ini terus tidak dapat dikurangkan. Apakah program-program yang disusun oleh Kementerian Belia di dalam gerakan mereka ini benar-benar dapat mengelakkan daripada perkara yang seperti ini berlaku? Saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Belia dengan peruntukan-peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan, dapat kiranya memikirkan satu perancangan yang khusus mengenai keadaan-keadaan belia yang berbagai-bagai perkara berlaku dalam negara kita ini.

Menyentuh kepada soal Kementerian Penerangan iaitu 8.44, saya amatlah bersetuju dengan jumlah yang telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan sebanyak RM9 juta untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan kepada orang ramai. Sebenarnya, pada saya Pegawai-pejawai Penerangan adalah merupakan mereka-mereka yang amat penting dalam menyampaikan dasar-dasar Kerajaan, kerana mereka ini adalah merupakan sebagai lidah kepada Kerajaan dan dasar-dasar Kerajaan ini adalah mencakup dasar Kerajaan di bidang ekonomi, di bidang agama

dan juga di bidang politik. Apa yang kita lihat pada hari ini ialah perlunya ada Jabatan Penerangan selain daripada mewujudkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Penerangan untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan **ini**, perlulah diberi tambahan ilmu-ilmu dengan begitu rapi sekali kerana pada saya, terutama pada masa sekarang **ini**, seperti saya nyatakan di negeri Kelantan misalnya, kedapatan, keadaan pada hari ini suatu isu yang dibawa oleh pihak pembangkang, seolah-olahnya Kerajaan Malaysia kita ini tidak benar-benar melaksanakan dasar Islam yang dikehendaki oleh mereka.

Sebenarnya, kalau kita mengambil kajian secara terperinci, dasar-dasar Kerajaan terutamanya dalam bidang keagamaan amatlah banyak sekali, termasuk dalam bidang sosial, tetapi malangnya dasar-dasar Kerajaan ini, khususnya di bidang keagamaan ini tidak dapat diterapkan secara berkesan di peringkat grassroot atau di peringkat kampung-kampung. Misalnya, mengenai Bank Islam, dasar Kerajaan mengenai penghayatan Islam dalam bidang pentadbiran, mengenai Perbankan Tanpa Faedah, mengenai mengislamisasikan sistem kewangan di dalam negara kita ini.

Perkara-perkara ini memang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dasar Kerajaan dalam bidang keagamaan dan dalam keIslamam ini jelas, bahawa Kerajaan Malaysia adalah satu-satunya Kerajaan yang menitikberatkan dalam bidang keIslamam. Tetapi oleh kerana cara penghujahan dan penyampaian serta ilmu yang barangkali tidak dapat diterapkan dengan lebih berkesan, khususnya di peringkat bawahan, terutama mereka-mereka yang berada di kampung-kampung dan di daerah pedalaman, boleh dikatakan masih tidak menerima penerangan secara yang

jelas, yang pada saya, penerangan yang berkesan untuk dapat diambil oleh orang ramai. Maka, dengan peruntukan yang telah diberi oleh pihak Kerajaan sebanyak RM9 juta, khusus dalam bidang penerangan untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan **ini**, maka perlulah diberi latihan yang berkesan kepada pegawai-pegawai.

Disamping itu, sekiranya tidak mencukupi, maka perlulah ditambah pegawai-pegawai ini memandangkan kepada pentingnya penyampaian dasar-dasar Kerajaan kepada orang ramai supaya kekeliruan tidak akan berlaku dan pihak orang rantai dapat menerima bahawa Kerajaan kita adalah merupakan Kerajaan yang memperimbangkan keduniaan dan keakhiran.

Mengenai **B.14** iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya telah difahamkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini telah pun memberi sumbangan yang begitu banyak iaitu sebanyak RM50 juta. Saya difahamkan ia disumbangkan untuk penglibatan perparitan dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan, apakah Kementerian Kewangan telah pun memberi sumbangan kepada Majlis-majlis Daerah dan juga Majlis Perbandaran Kota Bharu di negeri Kelantan ini seimbang dengan negeri-negeri lain? Kerana apa yang telah berlaku pada masa ini, seperti yang telah pun disebut di negeri Kelantan misalnya, kononnya Kerajaan Barisan Nasional adalah merupakan Kerajaan yang tidak melaksanakan keadilan. Kononnya Kerajaan Barisan Nasional telah menganaktirikan negeri Kelantan, tidak memberi sumbangan yang sewajar dan sepatutnya.

Maka saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis-majlis Daerah di seluruh negeri Kelantan? Dan apakah peruntukan RM50 juta yang disebutkan sebagai suatu peruntukan yang melibatkan perparitan ini juga termasuk di negeri Kelantan? Kerana apa yang telah dilaungkan di kampung-kampung oleh pihak Pembangkang, kononnya Kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil berat dan tidak memperimbangkan peruntukan itu ke Majlis-majlis Daerah dan juga ke Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Jadi, di atas perkara-perkara ini, bagi saya perlulah bagi pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan menjelaskan kepada kita bahawa apa yang telah diberikan kepada Majlis-majlis Daerah ini. Berapakah peruntukan yang sebenarnya dan apakah peruntukan yang telah diberikan supaya kita dapat memberitahu kepada orang ramai dan mencerminkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang adil?

Disamping itu juga saya mengambil kesempatan menyentuh perkara B.42 mengenai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang amat prihatin dan telah pun menyumbangkan peruntukan yang begitu besar sekali kepada mangsa gempa bumi di Sumatera. Ini adalah menunjukkan pihak Kerajaan Malaysia adalah sebuah Kerajaan yang lebih mengambil tahu dan juga memberi pertolongan dan menunjukkan Kerajaan Malaysia kita mempunyai dasar kekeluargaan dan persahabatan di antara satu sama lain. Ini adalah bertepatan dengan kehendak di dalara Islam sendiri dengan izin, ta'awanu-alal-bir, iaitu bekerjasama dalam perkara yang baik. Sumbangan ini bukan

sahaja di Sumanteria tetapi Kerajaan juga telah menyumbangkan begitu banyak, khususnya kepada orang-orang Islam yang terlibat di Bosnia-Herzegovina.

Jadi, ini adalah petanda bahawa pihak Kerajaan telah benar-benar melaksanakan satu tanggungjawab sebagai saudara Islam di sebuah negara yang lain. Jadi, itulah beberapa perkara yang dapat saya sebutkan, yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1994 ini. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

#### **4.39 ptg.**

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ingin saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Dr.Ting Chew Peh, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah memberi komitmen dan penekanan yang khusus untuk membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah.

Dengan adanya penglibatan langsung Kerajaan di dalam usaha melaksanakan Program Perumahan Awam Kos Rendah dan mendapat kerjasama daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri, aaya yakin matlamat untuk membantu golongan berpendapatan rendah memperolehi rumah mereka sendiri akan tercapai.

Semasa Kerajaan menekan strategi-strategi untuk membina lebih banyak rumah kos rendah, Kerajaan juga perlu melihat semula cara-cara mengagihkan rumah kos rendah kepada pembeli-pembelinya. Ini adalah kerana permintaan untuk rumah kos rendah adalah tinggi dan bilangan pembinaan rumah tersebut adalah terhad. Dengan itu adalah wajar bagi Kerajaan menentukan beberapa kriteria untuk membolehkan golongan sasaran memperolehi rumah kos rendah tersebut.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan janda-janda yang kehilangan suami yang menanggung kos sara hidup keluarga dan menjaga anak-anak perlu diberi pertimbangan khas bagi membantu mereka dalam kesusahan. Pertimbangan juga perlu diberikan kepada keluarga yang perlu menanggung ibu bapa dan datuk nenek kepada keluarga mereka. Selaras dengan seruan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan menanamkan nilai-nilai keluarga, Kerajaan perlu memberi galakan dan bantuan kepada keluarga ini yang mempunyai, dengan izin extended family untuk memperolehi rumah kos rendah.

Saya berharap satu sistem yang lebih saksama dan adil dapat diperkenalkan untuk memastikan golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan betul-betul mamerlukan rumah kos rendah dapat membeli rumah-rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kedudukan kaum wanita di negara ini telah bertambah baik semenjak merdeka. Ini adalah kerana Kerajaan kita berpandangan jauh dalam memberi kebebasan sepenuhnya kepada kaum wanita untuk mencampuri mana-mana bidang kerjanya dan sentiasa menggalak lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh. Di samping ini, Kerajaan juga telah mewujudkan HAWA di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membantu pembangunan wanita.

Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak halangan dan diskriminasi terhadap wanita berlaku di mana mereka tidak mendapat keadilan dan kesaksamaan. Kami menghargai Kerajaan menubuhkan HAWA untuk membantu kaum wanita tetapi sebagai satu Jabatan di peringkat Pusat sahaja, ia mempunyai banyak batasan antaranya kekurangan kaki-tangan dan peruntukan merupakan masalah utama. Peranan kaum wanita telah menjadi semakin penting dalam detik 90-an ini. Pembangunan wanita bukan sahaja penting untuk pembangunan keluarga bahkan kanak-kanak dan masyarakat keseluruhannya. Bak kata Gandhi, dengan izin, "Let me educate a woman and I have educated a nation". Untuk mengatasi masalah wanita yang unik dan dapat menyelaras dengan semua Jabatan dan Kementerian lain, saya ingin mengesyorkan Kerajaan menubuhkan sebuah Kementerian Hal Ehwal Wanita Khas untuk mempercepatkan proses pembangunan wanita. Dalam setiap Rancangan Malaysia

Lima Tahun, Kerajaan mempunyai strategi yang rapi dalam pembangunan wanita tetapi strategi-strategi ini tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa sebuah Kementerian. Dengan wujudnya sebuah Kementerian, banyak strategi umum dan khusus dapat digubal dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan kesejahteraan wanita.

Program-program khas untuk menyediakan kaum wanita tentang hak mereka di sisi undang-undang dan kempen yang lebih intensif untuk menghapuskan kejahilan tentang undang-undang dapat dijalankan di setiap kawasan. Sebuah Kementerian yang mempunyai Jabatan di setiap negeri dan daerah pasti dapat menjalankan aktiviti tersebut dengan berkesan. Peruntukan yang mencukupi juga harus diberi dalam anggaran Belanjawan Negara untuk memastikan program-program dan projek pembangunan wanita dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini pun saya ingin mengambil peluang mengucapkan tentang Kementerian Kesihatan walaupun ia tidak ada di dalam tajuk. Seperti mana kita semua sedia maklum, kesihatan merupakan salah satu element penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara kita. Rakyat yang sihat dan cergas penting untuk kemajuan negara. Oleh itu, kemudahan dan perkhidmatan kesihatan harus diperluas dan mutunya perlu dipertingkatkan. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru Kerajaan supaya menyediakan lebih banyak kemudahan perubatan dan doktor serta kakitangan kesihatan ditempatkan Pusat Kesihatan Luar Bandar, Kampung Baru, kampung tradisional dan estet agar mereka juga boleh mendapat rawatan yang sewajarnya.

Selain daripada ini, saya juga ingin mengesyorkan hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan perlu menyediakan kemudahan alat pengesan khas dan kempen-kempen intensif untuk wanita atau ibu-ibu yang mengidap penyakit barah buah dada dan servik (cervical cancer), dengan izin. Ini adalah kerana kedua-dua penyakit tersebut merupakan penyakit utama wanita yang membawa maut. Sehingga sekarang masih tiada ubat mencegahnya melainkan mengesan dan mengenal pasti penyakit tersebut dengan lebih awal lagi. Perlu ditegaskan di sini, bahawa wanita kini memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan terdiri dari sumber manusia utama negara. Oleh itu, penjagaan kesihatan khas kepada wanita perlu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang ini untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini. Terima kasih.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Silakan Datuk Haji Mohamed Nazri.

#### **4.48 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berdiri untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994 ini, Pertamanya saya ingin menyentuh peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri yang mana RM900,000 telah dibelanjakan untuk kenderaan.

Walau bagaimanapun, saya tidak berniat untuk bercakap tentang kenderaan yang dimaksudkan di sini tetapi saya ingin menyatakan sesuatu berkenaan dengan kenderaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat akhir-akhir ini peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita dalam politik antarabangsa begitu meningkat sekali. Malah seperti-mana yang kita semua sedia maklum iaitu bahawa ramai daripada pemimpin-pemimpin luar negara kita yang sedang berjuang untuk memerdekakan negara mereka telah melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sebagai seorang pemimpin yang benar-benar boleh memberikan pandangan yang baik dan juga menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kita lihat bagaimana Yang Amat Berhormat Presiden Palestine sebelum dia duduk semeja dengan Israel, kepulangannya daripada Asia Timur dahulu, dia berkesempatan untuk berhenti di Malaysia dan meminta pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita tentang apakah penyelesaian yang boleh diambil yang harus dilakukan oleh beliau untuk mencapai penyelesaian di Timur Tengah itu khususnya berkenaan dengan masalah negara Palestine. Maka daripada situlah dia kembali dan dia balik ke tanahairnya dan dia berunding dengan pihak-pihak daripada Israel.

Begitu juga kita tengok macam mana Nelson Mandela telah berkunjung hormat ke negara kita juga untuk meminta pandangan daripada Yang Amt Berhormat Perdana Menteri kita. Oleh kerana itu kita jelas nampak bahawa pada ketika ini peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di dalam politik antarabangsa begitu ketara dan terserlah sekali.

Sebab itu saya merasakan bahawa Malaysia sekarang ini bukan lagi sebuah negara yang hanya boleh memikirkan perancangan untuk membangunkan negara kita sahaja, malah kita mempunyai peranan antarabangsa dan ini memerlukan kepada Perdana Menteri kita untuk pergi ke luar negara kita. Begitu juga saya lihat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim juga merapunyai peranan yang penting di dalam politik antarabangsa.

Kita dengar kehadiran beliau di Hawaii tidak berapa lama dahulu telah diberikan kesempatan untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat di mana kita telah difahamkan bahawa Menteri-

Menteri Kewangan negara lain tidak diberikan keistimewaan seperti itu. Bermakna apa yang saya hendak katakan di sini ialah bahawa peranan Malaysia dalam bidang politik antarabangsa begitu meningkat kerana dunia amat melihat Malaysia int sebagai sebuah negara yang bukan sahaja ia dapat mentadbirkan negaranya dengan baik, malah suara dan pandangan Malaysia itu merupakan suara dan pandangan yang mencerminkan kehendak dunia ketiga.

Sebab itu, saya merasa agak terkejut sedikit dengan peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri kita, lawatan-lawatannya pergi ke luar negara kadangkala hanya terpaksa menggunakan flight coramercial kita, iaitu kalau hendak pergi ke Eropah, maka dia naik kapal terbang MAS kita mengikut scheduled flight. Kita semua tahu bahawa kadangkala tempat yang hendak dituju itu kalau kita menaiki kapal terbang menerusi scheduled flight, tidak mungkin kita dapat sampai ke tumpat itu mengikut kehendak kita. Kadangkala kapal terbang kita tidak sampai ke tempat yang hendak dituju. Bukan semua perjumpaan yang diadakan di antara Perdana Menteri kita dengan pemimpin-pemimpin luar itu diadakan di ibu negara. Sekali pun kalau MAS pergi ke ibu negara yang berkenaan, tetapi perjumpaan itu diadakan di luar, mungkin seratus, dua ratus, atau tiga ratus kilometer daripada ibu negara, yang memerlukan kita untuk menaiki sebuah kapal terbang yang lain.

Maka di sini, berbangkit, selain daripada masalah scheduled flight itu tidak pergi ke tempat yang hendak dituju, yang keduanya ialah berkenaan dengan keselamatan Perdana Menteri kita. Kalau dia naik scheduled flight, dia sampai, maka keselamatan di atas kapal terbang yang hendak membawa dia daripada ibu negara ke tempat

pertemuan itu banyak bergantung kepada persiapan yang disediakan oleh negara tuan rumah ataupun yang menjadi host kepada kehadiran beliau. Bukan kita tidak yakin dengan keselamatan yang disediakan, tetapi kita akan lebih merasa yakin kalau sekiranya keselamatan di dalam kapal terbang itu disediakan oleh pihak kita sendiri.

Jadi tujuan kita membangkitkan perkara ini ialah kerana saya rasa tidak begitu puas hati melihatkan peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita di dalam arena politik antarabangsa, tetapi beliau terpaksa pertamanya apabila hendak pergi ke satu tempat bergantung kepada scheduled flight; dan kemudiannya apabila sampai ke negara yang dia sampai untuk perjalanan dalaman, dia terpaksa menggunakan kapal terbang yang disediakan oleh the host nation.

Jadi di sini, sebagai seorang pemimpin daripada sebuah negara Malaysia, Malaysia ini bukan lagi sebuah negara yang merupakan negara pertanian, negara yang boleh dianggap sebagai negara banana republic, tetapi Malaysia telah menjadi sebuah negara yang serius. Jadi saya rasa, tidak padan dengan peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kemudiannya mendapat pengiktirafan sebagai pemimpin besar untuk dunia ketiga, saya rasa tidak sempurna kalau beliau melawat ke negara-negara luar terpaksa menggunakan scheduled flight atau bergantung kepada pengangkutan yang disediakan oleh host nation.

Baru-baru ini saya tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita ada melawat ke luar negeri iaitu ke Perancis dan juga ke Eropah kalau tidak silap saya. Saya agak terkejut apabila saya

telah diberi maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pergi ke sana dengan meminjam kapal terbang ahli-ahli korporat Malaysia. Saya rasa begitu sedih kerana seorang Perdana Menteri yang memainkan peranan yang begitu penting dalam politik antarabangsa terpaksa bergantung perjalanan antarabangsanya kepada penyediaan kapal terbang oleh korporat-korporat kita.

Banyak perkara yang boleh dibangkit dan difitnahkan kalau sekiranya dia menggunakan kapal-kapal terbang korporat sebab orang akan mengata bahawa ini akan menyebabkan orang merasakan bahawa dia terhutang budi kepada orang yang telah menyediakan kapal terbang yang mana dia telah gunakan untuk melawat ke luar negeri. Lagi pun sebagai Perdana Menteri Malaysia, melawat sebuah negara yang lain atas tugas rasmi, apakah munasabah dia terpaksa meminjam kapal terbang orang untuk pergi ke luar negeri ini? Saya rasa begitu janggal seorang Perdana Menteri terpaksa meminjam kapal terbang orang-orang ahli-ahli korporat kita.

Selain dari perkara yang saya hendak sebut ini, orang boleh fitnah macam-macam iaitu kalau kita naik kapal terbang orang, bermakna kita terhutang budilah. Nanti mungkin orang kata bahawa dia balik ke Malaysia nanti, maka datang dengan bil - bil mesti bayar! Sebab kalau dia tak bayar bil kapal terbang itu, maka orang akan menganggap bahawa dia terhutang budi dan kadangkala bayar bil pula jumlahnya begitu besar!

Jadi apa yang saya maksudkan di sini bahawa saya rasa Perdana Menteri kita yang memainkan peranan yang begitu penting dalam politik antarabangsa ini mesti disediakan dengan sebuah kapal

terbang khusus kepunyaan Kerajaan kita untuk membawa dia pergi ke mana-mana yang dia hendak pergi untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin besar di dunia kita ini.

Apabila kita mempunyai kapal terbang kita sendiri, maka dia tidak perlu bergantung lagi untuk mendapat pinjaman kapal-kapal terbang orang lain. Itu daripada segi statusnya. Yang kedua-duanya daripada segi keselamatan. Apa yang boleh menjamin kepada kita iaitu pilot yang hendak membawa kapal terbang yang dipinjamkan kepada Perdana Menteri kita untuk pergi ke luar negeri itu apakah jaminan pilot itu akan membawa kapal terbang itu dengan begitu baik dan akan menjaga kepentingan kapal terbang itu kerana yang duduk di dalam kapal terbang itu ialah Perdana Menteri Malaysia?

Tetapi kalau kita mempunyai kapal terbang kita sendiri, Kerajaan kita mempunyai kapal terbang sendiri - satu kapal terbang yang selesa untuk menjelajah dunia, kapal terbang itu akan dijagai sendiri oleh tentera kita menerusi the arm forces. Maka kita sudah boleh yakin bahawa kalau kapal terbang itu dijagai sendiri oleh Air Force atau Tentera Udara kita, kita lebih yakin bahawa kapal terbang itu akan dijaga dengan baik dan 24 jam sentiasa akan dikawal oleh pengawal-pengawal untuk memastikan supaya kapal terbang itu dalam suasana yang baik kerana ia akan membawa Perdana Menteri kita untuk menjelajah daripada sebuah negara ke sebuah negara yang lain.

Sebab itu saya merasakan sudah sampai pada waktu dan masanya untuk kita memikirkan oleh kerana negara kita ini telahpun melompat, melangkah daripada menjadi sebuah negara yang mindur, negara yang tidak ada pengaruh, negara pertanian, Malaysia sudah pun menjadi sebuah negara yang disegani oleh dunia luar, negara yang maju, maka oleh kerana itu sesuai dengan status negara kita yang ada pada ketika ini dan sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita dalam politik antarabangsa, maka saya rasakan bahawa sudah sampai masanya Kerajaan kita memikirkan untuk Malaysia mempunyai sebuah kapal terbang khusus untuk membawa Perdana Menteri kita menjelajah dunia bagi menyelesaikan masalah yang ada dalam politik antarabangsa pada ketika **ini**.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri,.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Elok juga kalau kita kupas sedikit tentang Maksud B.7 iaitu ianya ialah berkaitan dengan Agensi Maritira di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu berkaitan dengan pinjaman dan juga pembelian komputer. Jadi, mukaddimah tadi saya **rasa....**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ..cukup baik, Kalau kita kupas sedikitlah tentang maksudnya. **Sila.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Maksud saya di sini ialah bahawa kita setuju bahawa perbelanjaan itu dibuat untuk kenderaan bagi badan yang baru ini. Memang kita menyokonglah. Tetapi seperti mana kita semua sedia maklum kalau sekiranya kedudukan

(status) Perdana Menteri kita itu sendiri tidak kita jaga maka yang lain-lain itu kita rasa agak merugikan kita kalau kita tidak memberikan perhatian kepada Perdana Menteri kita. Yang ini memang saya setujulah, sebab kita selalunya....,

**Timbalan Tang di-Pertua:** Saya pun bersetuju juga.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ....sebab kita selalu fikirkan benda yang baru kita beri. Tetapi benda yang sudah lama **ini**, Jabatan Perdana Menteri kita int sudah lama tetapi tidak pernah kita fikirkan untuk memberikan sesuatu kenderaan kepada Perdana Menteri kita. Jadi, saya setujulah dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang kedua, ini berkenaan dengan RM52.2 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya memberi sokongan yang kuat kepada peruntukan ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong daripada luar negara kita dan ketika ini pelancong-pelancong ini tidak hanya pergi ke kawasan pelancongan sahaja. Malah apabila mereka masuk ke dalam negara kita, mereka bebas untuk pergi ke mana yang mereka hendak pergi. Pelancong sekarang bukan macam pelancong dulu. Pelancong dulu ke mana yang kita hala sebagai pusat pelancongan mereka pergi. Tetapi pelancong sekarang ini mereka masuk, tetapi mereka mahu sendiri pergi melihat negara kita. Dan apabila dilihat dalam negara kita, maka satu perkara yang sentiasa dibangkitkan ialah tentang kebersihan parit kita, tandas awam kita. Bila parit kotor, tandas kotor maka ia mencerminkan tentang kehidupan rakyat Malaysia itu sendiri yang tidak mengambil berat tentang soal kebersihan (hygien).

Orang tidak akan datang ke rumah kita untuk melihat sama ada tandas kita baik, parit kita baik. Dia akan melihat perkara-perkara yang mana dia sebagai orang awam boleh pergi. Kalau dia pergi ke tepi jalan atau kedai, ada kedai, ada parit, parit kotor maka dia menganggapkan orang Malaysia kita ini adalah orang yang memang pengotor. Sebab ke mana-mana juga tempat awam yang kita pergi, kita tengok parit kotor, tandas jangan cakaplah - kotor. Dan ini mencerminkan orang-orang kita merupakan orang-orang yang tidak mementingkan tentang kebersihan.

Sebab itu kepada saya usaha Kerajaan memperuntukkan RM52.2 juta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini untuk membersihkan parit-parit ini adalah satu perkara yang baik. Tetapi saya ingin mencadangkan iaitu penggunaan wang ini janganlah hanya semata-mata untuk diberikan kontrak kepada sebuah syarikat untuk membersihkan parit. Saya rasa kalau kita lakukan perkara seperti **ini**, rakyat tidak akan merasakan usaha Kerajaan ini adalah satu usaha untuk memperbaiki cara hidup kita. Yang mengotorkan parit-parit ini adalah rakyat sendiri. Jadi, rakyat tidak akan merasa dia mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan tempat-tempat awam. Sebab apabila dia mengotorkan tempat awam maka ada sahaja Kerajaan akan memberi kontrak kepada syarikat untuk membersihkan tempat itu.

Sebab itu dalam kita hendak melaksanakan cara untuk membersihkan kawasan-kawasan parit yang kotor ini, saya mahu kalau boleh rakyat memainkan peranan dan menyertai usaha untuk membersihkan parit-parit ini. Daripada wang yang begitu banyak kita berikan kepada syarikat untuk membersihkan parit **ini**, lebih baik wang itu digunakan untuk majlis gotong-royong. Satu-satu tempat, kita tengok dalam bandar

sebagai contoh, Jalan A; maka kita ambil orang-orang yang duduk dalam kawasan **Jalan A itu**. Kita adakan majlis, beri mereka minumkah atau apakah, buat gotong-royong suruh mereka cuci parit itu. Sebab apabila dia sendiri sudah cuci parit **itu**, maka dia tahu itu tanggungjawabnya. Sebab yang mengotorkan parit itu ialah **dia**. Tetapi kalau dia mengotorkan **parit itu**, maka di dalam kepalanya memikirkan, "apa susah, Kerajaan beri duit dan kontrak kepada sebuah syarikat untuk membersih, aku boleh terus buang". Sebab dia tidak akan merasai bahawa itu merupakan tanggungjawabnya. Apabila Kerajaan bersihkan, dia' buang lagi.

Sebab itu, saya merasa untuk mendapatkan kesan yang baik kepada rakyat bahawa tanggungjawab untuk menjaga **parit ini** ialah tanggung-jawab mereka, maka saya ingin mencadangkan iaitu wang yang diperuntukan untuk membersihkan **parit-parit ini** jangan diberikan kepada syarikat-syarikat untuk membersihkan **parit-parit ini**, tetapi digunakan untuk mengadakan majlis-majlis gotong-royong, beri minum **teh**, buat khemahkah, hendak beri T-shirt, berilah T-shirt. Tetapi suruh dia sendiri bersihkan. Masyarakat sendiri membersihkan tempat-tempat yang kotor ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan dalam penggunaan wang ini hendaklah sebahagian besarnya digunakan untuk majlis gotong-royong dan kita melibatkan rakyat untuk membersihkan kawasan-kawasan yang kotor, yang dilakukan oleh rakyat kita sendiri yang ada dalam kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang ini sekali gus sekali belanja. Kita bersihkan. Lepas itu apa? Apabila dia buat balik, bermakna peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan itu tidak capai kepada matlamat. Hanya jangka pendek bersih. Lepas itu rakyat buat balik. Sebab itu kepada saya, Pihak Berkuasa Tempatan mesti ambil serius soal kebersihan ini. Sebab saya malu hendak sebut di sini iaitu pada hari ini orang boleh mengatakan kita orang Malaysia ini hidup tidak mengambil berat tentang kebersihan kerana melihat kepada parit-parit yang kotor, yang dibiar begitu sahaja.

Kita mesti ambil tindakan yang positif dalam hal ini. Pihak Berkuasa Tempatan bukan hanya setakat harus mengadakan undang-undang kecil untuk memastikan supaya tempat-tempat ini bersih malah mesti ada penguatkuasaan terhadap Undang-undang Kecil Kebersihan yang ada di dalam Pihak Berkuasa Tempatan ini. Penguatkuasaan ini penting. Adakan penguatkuasaan di mana kalau sekiranya didapati orang itu melakukan kesalahan membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dia membuang sampah, kita kena denda **dia**. Ini sahaja cara yang hendak kita ajar orang-orang Malaysia kita supaya dia bersih dalam menjaga kehidupannya dan "surrounding"nya, dengan **izin**.

Singapura pada hari **ini**, Singapura apa beza orangnya dengan orang kita, Melayunya dengan Melayu Malaysia - serupa. Orang Cinanya dengan orang Cina kita - serupa. Orang Indianya dengan orang India kita - serupa. Tetapi kalau kita pergi ke Singapura - bersih. Kerana apa? Kerana penguatkuasaan. Memang benar orang ketawa. Bubble gum tidak boleh, membuang sampah dan macam-macam tidak boleh.

Pada peringkat awal, memang rakyat tidak akan setuju dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan. Tetapi kalau kita menunjukkan kesungguhan kita bahawa kita akan membenarkan kekotoran berlaku di dalam negara kita, kita serius. Langgar - kita akan denda **dia**. Jangan penduli. Dia buat silap, kita mesti denda **dia**. Mana-mana gerai ada tempat makan, pastikan ia bersih. Rakyat, kalau tempat yang kotor, jangan pergi. Ajar mereka ini. Saya percaya kalau penguatkuasaan itu kuat kita boleh mengatasi masalah kekotoran yang berlaku di dalam Majlis-majlis Tempatan kita, di dalam kampung-kampung kita.

Jadi, saya hendak mencadangkan di sini, saya faham memang betul kita ada undang-undang kecil untuk menjaminkan kebersihan tetapi lebih penting ialah penguatkuasaan. Mungkin wang yang diperuntukkan ini bukan hanya kita harus mempergunakan untuk gotong-royong, mencuci kawasan tetapi gunakan juga untuk Unit Penguatkuasaan, menggajikan orang untuk pergi melawat kawasan-kawasan, melihat siapa yang mengotorkan tempat-tempat **ini**, kita denda **dia**. Dia hanya faham apabila benda itu "pinch his pocket", dengan izin, barulah dia faham tentang kesungguhan Kerajaan ini.

Jadi, saya mencadangkan supaya penguatkuasaan untuk soal

kebersihan dalam bandar-bandar kita ini hendaklah diperkuatkan dengan diperbesarkan Unit Pengawas kita dengan memainkan peranan untuk mendendakan siapa yang melakukan kekotoran dalam bandar-bandar dan pekan-pekan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga. Saya lihat bahawa kita memberikan peruntukan sebanyak RM123.2 juta untuk membayar kerugian yang dialami oleh Lembaga Letrik Sabah. "Saya rasa ini satu jumlah yang besar kerana ia mengambil kira keperluan kerugian tahun 1990, 1991, 1992 dan 1993.

Saya dengar baru-baru ini bahawa ada Kerajaan sedang memikirkan untuk memberikan lesen (permit) IPP (Independent Power Plant) untuk diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu. Saya rasa di Sabah ini sepatutnya kita tidak memberikan IPP kepada mereka. IPP ini diberikan kerana untuk apa yang dikatakan "to complement" sistem yang sedia ada.

Di Sabah **ini**, dia mengalami kerugian. Jadi, apabila dia mengalami kerugian, bermakna kalau kita hendak berikan kepada pihak-pihak syarikat untuk menjalankan pemerosesan elektrik di Sabah ini, maka bukan IPP yang harus diberikan, kita swastakan **LLS ini**. Sebab apabila kita swastakan Lembaga Letrik Sabah, maka adalah sekurang-kurangnya Kerajaan mendapat balik duit perbelanjaan yang digunakan di masa lepas, yang mana telah kita belanjakan untuk elektrik di negeri Sabah.

Apabila kita ada swastakan **LLS**, maknanya wang itu akan dikembalikan kepada Kerajaan mengikut kepada siapa yang memberikan

harga yang paling tinggi. Tetapi kalau kita beri hanya IPP, apa yang akan berlaku ialah bahawa Lembaga Letrik Sabah, saya rasa akan terus menghadapi kerugian. IPP ini hanya untuk membantu Kerajaan, kalau sekiranya tenaga itu tidak cukup, maka IPP ini membantu Kerajaan untuk mencukupi pembekalan elektrik. Sebab itu, IPP ini boleh diberi di Semenanjung. Sebab di Semenanjung, Lembaga Lektrik Negara kita tidak menghadapi kerugian malah ia mendapat keuntungan disabitkan oleh kerana rakyat pun ramai, dia punya 'terrain' pun senang untuk disampaikan kepada pengguna-pengguna. Sebab itu, IPP ini boleh diadakan di Semenanjung kerana Lembaga Letrik Negara tidak menghadapi kerugian. Jadi, IPP hanya untuk membantu Lembaga Letrik Negara di mana kalau Lembaga Letrik Negara tidak mempunyai perbekalan yang cukup, maka IPP ini membantu.

Tetapi di Sabah **ini**, kalau kita beri IPP, saya rasa Lembaga Letrik Sabah akan menghadapi kerugian lagi dan dia hanya setakat untuk membantu dan memberikan pembekalan elektrik yang tidak cukup. Sebab **itu**, saya rasa di Sabah, apa yang lebih penting ialah kita swastakan Lembaga Letrik Sabah ini. Lembaga Letrik Sabah ini adalah dalam peringkat yang mana boleh diswastakan. Kalau ada sebuah syarikat yang berminat, swastakan dengan Kerajaan memegang sedikit saham seperti dalam Telekom. Jadi, sebab **itu**, saya lihat di sini - saya rasa pada tahun hadapan, kita akan bincang kembali, berhujah kembali untuk memberikan mereka lagi peruntukan tambahan kerana kita akan menghadapi kerugian di Lembaga Letrik Sabah, negeri Sabah. Perkara ini tidak boleh berterusan begitu. Saya rasa sesatu harus

dilakukan untuk memastikan supaya kita tidak lagi di masa-masa yang akan datang, mengeluarkan peruntukan yang lebih kerana kerugian LLS ini. Yang mana rugi, saya percaya kalau diswastakan dengan "management" yang efisyen, saya rasa dia boleh dapat keuntungan.

Sebab itu di sini, saya ingin mencadangkan dalam saya menyokong iaitu kita memberikan peruntukan yang lebih untuk mengatasi masalah kerugian Lembaga Letrik Sabah tetapi di masa hadapan, untuk menyelesaikan masalah ini ialah bukan dengan memberikan IPP kepada syarikat-syarikat tertentu tetapi dengan menswastakan Lembaga Letrik Sabah yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya hendak sebutkan. Cuma yang terakhir sekali berkenaan dengan sukan. Sukan ini diberi beberapa juta untuk peruntukan - belia-belia inilah. Jadi, cuma saya hendak sentuh belia ini untuk mengatasi masalah budaya lepak dan lain-lain ini, dia mesti ada sesuatu yang dia pandang sebagai satu benda yang 'glamour'<sup>1</sup> yang dia sendiri hendak lakukan untuk dia dapat capai tahap 'glamour' itu. Saya tengok selain daripada 'glamour' dalam menyanyi, itu tidak apalah. Dia menyanyi itu, maknanya dia boleh mencari makan, itu tidak apa. Saya tengok sukan ini memang penting.

Jadi, oleh kerana itu sukan - kecemerlangan sukan, kita mesti pastikan ada. Badminton sebagai contoh, saya tengok semua orang hendak menjadi pemain badminton sebab Malaysia menang Thomas Cup. Jadi, kita ada kecemerlangan di dalam bidang sukan badminton ini. Jadi, kita tengok bila kita menang sahaja, sibuk orang bermain

badminton di kampung, di bandar, di sekolah, semua main badminton kerana semua hendak menjadi cemerlang. Jadi, dia sudah lupa ambil dadah atau apa, Tetapi badminton adalah satu sukan sahaja. Ada sukan lain lagi yang banyak. Saya rasa untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan ini, persatuan sukan ini, kita kena pastikan ia berjalan dengan baik. Kadang-kala kerana persatuan sukan itu tidak berjalan dengan baik, maka kesannya ialah kepada sukan itu. Badminton sebagai contoh. Ia ditadbir dengan baik, maka badminton itu sukannya dapat kecemerlangan yang baik. Jadi, persatuan itu merupakan satu faktor yang akan mempengaruhi sama ada kita akan berjaya dalam sukan itu ataupun tidak.

Bola sepak - kecemerlangan Malaysia dalam bidang bola sepak, saya rasa sudah lebih daripada 10 tahun, kita rasa pasukan bola sepak kita ini tidak berjaya seperti mana yang kita harapkan. Masalahnya apa? Masalah persatuan juga. Politik persatuan ini selalu berlaku. Bila mari tiap-tiap kali hendak pilih pemimpin persatuan, maka bergaduhlah di antara tokoh-tokoh yang hendak menjadi permimpin kepada persatuan ini. Untuk mengatasi masalah ini, saya hendak mencadangkan supaya tempoh pemegangan jawatan oleh seseorang dalam persatuan itu, biarlah 4 tahun. Sebagai contoh, saya hendak beri contoh di sini. World Cup - bola sepak, kita tengok. World Cup - ketua bola sepak dilantik pada tiap-tiap 4 tahun. Kita lantik dan adakan pemilihan untuk pegawai-pegawai ini selepas habis World Cup. Bila habis World Cup, kita ada pemilihan, maka dia akan bekerja ke arah untuk mendapat kecemerlangan bagi pasukan bola sepak kita. Jadi, dia bekerja selama 4 tahun. Bila dia bekerja 4 tahun, kalau dia gagal, maka habis World Cup, kita akan hukum dia berdasarkan pencapaian dia di dalam soal pencapaian Malaysia dalam sukan World Cup ini - bola sepak. Begitu juga dengan Sukan Olimpik. Peranan persatuan-persatuan olahraga sebagai contoh.

Kita punya persatuan juga akan mengadakan pemilihan pegawai-pegawaiannya sebaik sahaja Olimpik itu habis. Apabila Olimpik habis, kita pilih pegawai-pegawai ini dan kita beritahu kepada **dia**, "kerja kamu sekarang ialah untuk menyediakan kecemerlangan persatuan kamu dalam bidang Olimpik yang akan datang ini". Kalau mari Olimpik, tidak ada peserta daripada persatuan itu yang dapat menunjukkan sedikit kecemerlangan untuk mengambil bahagian dalam Olimpik, maka habis sahaja Olimpik, kita hukum pegawai-pegawai ini kerana tidak berjaya untuk meningkatkan kecemerlangan ahli-ahli sukan kita. Dengan cara **ini**, saya rasa "**the sports will not suffer**". Kita akan menghukumkan orang kalau dia tidak mencapai kecemerlangan.

Begitu juga bola sepak. Apabila pasukan kita gagal ataupun melakukan prestasi yang begitu buruk dalam perlawanan pusingan bola sepak, maka kita sudah tahu, selepas habis sahaja World Cup, dia kena keluar, beri orang lain pula untuk membuktikan kebolehan mereka.

Jadi, di sini dalam bidang sukan saya ingin mencadangkan iaitu tempoh pemegangan jawatan oleh pegawai-pegawai persatuan ialah empat tahun. Yang keduanya, pemilihannya hendaklah **dibuat-**

- (i) bagi bola sepak, selepas World Cup; dan
- (ii) bagi sukan-sukan lain, sebaik sahaja Olimpik itu habis.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja cadangan saya. Saya berharap bolehlah Kementerian memikirkan untuk kepentingan sukan kita di masa-masa akan datang. Maka dengan **itu**, saya menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Saidin bin Mohamad.

### **5.21 ptg.**

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994, saya sukacita mengambil bahagian bagi memperkatakan serba-sedikit kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana peranannya bertujuan untuk menggalakkan dan memaju serta membimbing Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan perkhidmatan perbandaran yang bermutu tinggi dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan sosial, rekreasi serta peluang-peluang ekonomi yang seimbang, maka suatu peruntukan RM50 juta bagi menyelenggara dan memperbaiki longkang dan parit dan peruntukan RM5,200,000 untuk membiayai pembinaan projek-projek kecil adalah perlu demi kepentingan orang ramai.

Dalam memperkatakan penyelenggaraan ataupun pengurusan sesebuah projek terutama membaiki longkang dan parit, acapkali terdapat longkang yang dibina dengan konkrit atau sebagainya, oleh kontraktor-kontraktor lazimnya tidak begitu tahan lama. Dalam tempoh 3 bulan atau selebihnya sedikit, sudah mulai rosak dan saluran-saluran yang masuk ke longkang dan parit tidak dibuat jaring bagi menahan sampah sarap. Bagi longkang yang tertutup, tidak

nampak sampah sarap melainkan bila hujan lebat berlaku ataupun banjir kilat, barulah kita dapat tahu bahawa longkang-longkang itu telah dipenuhi dengan sampah sarap setelah air tidak dapat mengalir. Di sini menampakkan kepada kita bahawa penyelenggaraan parit ataupun longkang tidak begitu serius dan prihatin.

Dalam menentukan konkrit yang dibina tahan lama, pegawai-pegawai penguatkuasa harus memastikan pembinaan dilaksanakan mengikut peraturan. Bagi kontraktor yang bertanggungjawab dengan pembinaan konkrit itu, mestilah mendapat jaminan kekuahan binaannya. Andainya dalam tempoh tertentu berlaku kerosakan, hendaklah kontraktor yang berkenaan memperbaiki semula. Pegawai penguatkuasa dan lain-lain pekerja perlu ditentukan kawasan tugasnya. Dengan cara begitu dapatlah memastikan keprihatinan tanggungjawab yang dilaksanakan. Dengan cara itu juga, penilaian prestasi kakitangan dapat diukur dengan lebih berkesan.

Untuk menentukan parit dan longkang sentiasa berkeadaan baik, orang ramai juga harus dipertanggungjawabkan. Orang ramai tidak seharusnya membuang sampah sarap dalam parit dan longkang. Mana-mana parit ataupun longkang di depan rumah yang ada sampah sarap, patut membayangkan betapa kehinaan bagi tuan rumah yang berkenaan. Dengan cara pandangan begitu, tuan-tuan rumah berkenaan boleh membuat pengaduan bagi seseorang yang membuang sampah di longkang ataupun parit di depan rumahnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri tadi supaya gotong-royong dapat diadakan bagi membersihkan kawasan-kawasan, longkang-longkang ataupun parit-parit yang penuh dengan sampah sarap, adalah wajar diambil kira supaya gotong-royong ini dapat diadakan terutama sekali mereka yang terlibat di bandar-bandar. Tetapi bagi mereka di luar bandar walaupun dalam kawasan penguatkuasaan Majlis Perbandaran atau sebagainya, saya rasa tidaklah begitu perlu kerana bagi mereka yang di luar-luar bandar seringkali gotong-royong diadakan dan mereka di luar bandar selalunya telah pun memberi tumpuan gotong-royong ini berterusan dari masa ke semasa. Gotong-royong ini amat mustahak bagi mereka di bandar-bandar kerana mereka ini tidak menjalankan kerja-kerja berat dan amat sesuailah bagi melahirkan kesihatan yang baik bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan peruntukan yang diuntukkan kepada Penguasa Tempatan supaya dibelanjakan dengan sebaik mungkin dan bagi membolehkan penguatkuasa membetulkan segala kelemahan-kelemahan yang terdapat Pihak Berkuasa Tempatan harus memandang serius dalam tanggungannya. Teguran-teguran daripada audit harus diambil kira.

Dalam soal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adakah terdapat Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tidak mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara sehingga bertahun-tahun? Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang tidak mengemukakan penyata kewangan itu?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak bercakap lebih panjang. Dengan ini, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Tuan Rahim bin Baba.

**5.30 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahas dan juga seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994 yang bermula RM249,550,950 seperti mana yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terus membincangkan secara terperinci peruntukan yang telah pun dipohon oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM249.5 juta bagi peruntukan tambahan ini, saya juga berharap kepada pihak Kementerian Kewangan, kita tahu salah satu daripada Kementerian yang bertanggungjawab khasnya kepada projek-projek penswastaan dan juga sebagainya. Tadi semasa soal-jawab, saya telah pun menimbulkan soal cara pengiraan tol yang dikenakan oleh pihak PLUS kepada pengguna-pengguna jalan raya melalui projek penswastaan. Seperti mana yang telah pun saya terangkan, saya agak curiga tentang kiraan tol yang telah pun dikenakan.

Saya hanya mengambil kira di antara tol di Damansara hingga ke Subang yang dikenakan bayaran RM1.40, tetapi dalam perkiraan saya, jarak di antara kedua-dua tol itu ialah 15 kilometer sahaja - 15.38 kilometre to be exact, kalau dikalikan dengan 5, maknanya 78 sen sepatutnya kita membayar. Kalau kita ambil tol **itu**, kemungkinannya saya jangka dikira daripada IKIM sampai kepada mungkin jalan daripada situ pun dibuat oleh pihak PLUS dan jaraknya hanyalah 20.12 kilometer.

Jadi, kalau dikirakan pun, tak juga sampai kepada RM1.40. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan dapat meneliti perkara ini balik. Saya harap pihak press pun 'highlight'kan sedikitlah, ini untuk kepentingan orang ramai. Kalau tak percaya, cubalah gunakan kereta, test berapa kilometer sebenarnya, kerana kita tak mahu rakyat terpedaya dengan penswastaan yang dijalankan. Kadangkala kita tidak mengambil berat, kita ambil ringan sahaja, jadi kita tidak mengirakan kewangan yang dibelanjakan. Saya harap pihak Kementerian Kewangan akan melihat perkara ini, kerana ini ada kaitannya dengan penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud **B.14** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita telah pun memperuntukkan RM55.2 juta untuk Kementerian ini dan PM50 juta diperuntukkan untuk menyelenggara dan juga membaiki longkang dan parit dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara. Dalam ingatan saya, saya percaya inilah kali pertama peruntukan yang sebegini tinggi yang telah pun diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan kepada Kementerian ini khas untuk membaiki longkang dan juga parit.

Kalau kita lihat peruntukan ini, nampaknya untuk membaiki longkang dan juga parit, satu peruntukan yang sungguh tinggi sekali kerana saya percaya ini menimbulkan satu kesedaran kepada pihak Kementerian untuk memainkan peranan bagi membaiki longkang dan juga parit, kerana kita faham masalah longkang dan juga parit inilah yang menyebabkan berlakunya banjir, bukan hanya di Bandaraya Kuala Lumpur sahaja malahan boleh dikatakan di mana-mana bandar pun telah mula berlaku banjir kerana keadaan longkang dan juga parit yang tersumbat.

Apa yang kita harapkan ialah apa yang telah pun berlaku, saya percaya, kerana di negara kita ini banyak Majlis-majlis Tempatan. Jadi, kemungkinan Majlis Tempatan Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan mempunyai peraturan ataupun by-law yang berlainan dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya ataupun Majlis Perbandaran Puchong ataupun Majlis Perbandaran Serdang dan sebagainya, Kemungkinannya di Kuala Lumpur, parit-parit dikehendaki dibina dengan besar dan air ini akan mengalir ke Petaling Jaya ataupun ke Puchong, Tetapi mengikut by-law di Puchong ataupun di Pihak Berkuasa Tempatan di Petaling Jaya dan sebagainya, mungkin akan datang parit itu tidaklah sebesar seperti yang dikehendaki di Bandar Kuala Lumpur.

Jadi, apabila air ini datang daripada Kuala Lumpur umpamanya, dari parit yang luas dan air yang laju, apabila sampai ke Petaling Jaya ataupun ke Puchong, apabila bertemu dengan parit yang kecil, kemungkinannya akan berlaku backlog di sini. Jadi, itulah sebabnya berlaku kebanjiran di Kuala Lumpur kerana air yang datang daripada Kuala Lumpur tidak boleh menampung untuk **lari** ke kawasan-kawasan persekitaran dengan Kuala Lumpur.

Jadi, apa yang saya harapkan ialah supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat satu penyelarasan dari segi kelulusan projek-projek pembangunan, dari segi saiz ataupun besarnya longkang dan juga parit yang sepatutnya dibina dalam Majlis-majlis Tempatan supaya ianya **selari** dengan kesemua bandar-bandar ataupun Majlis-majlis Tempatan yang berhampiran di antara satu dengan yang lainnya.

Perkara yang kedua ingin saya cadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah saya dapati pada masa-masa

dahulu kita mempunyai service station ataupun petrol station, pada masa yang sama juga membuat servicing, buat repair kereta, selepas itu buangkan minyak hitam ke dalam longkang. Ini saya percaya adalah salah satu daripada sebab-sebabnya berlaku tersumbatnya longkang dan juga parit.

Saya ingin mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat kajian dengan menyeluruh supaya di mana sahaja service station ataupun petrol station yang dibuka tidak dibenarkan lagi membuat kerja-kerja repair, kerja-kerja servicing kereta ataupun sebagainya. Kalau hendak buat servicing kereta, pergi ke tempat yang jauh daripada pusat bandar supaya lebih-lebihan minyak hitam itu tidak masuk ke dalam longkang dan menjadikan longkang dan parit tersumbat.

Jadi, kita berharap supaya kesemua Majlis Tempatan akan mengambil ingatan perkara **ini**.. Mungkin semasa mula-mula dahulu kita tidaklah merupakan satu bandar yang maju, tetapi sekarang ini telah pun merupakan satu negara yang maju dan kita telah banyak kenderaan, jadi supaya diagihkan tempat-tempat. Kalau di dalam bandar, tidak dibenarkan lagi diadakan service station yang juga membuat kerja-kerja seperti membaiki kereta dan sebagainya.

Saya juga berharap supaya peruntukan membaiki longkang dan juga parit ini jangan dibuat hanya separuh sahaja, kerana saya tahu dalam soal pembaikan longkang dan parit ini kena dibuat secara keseluruhan. Kalau dibuat secara separuh-separuh, saya khuatir, ianya akan mengakibatkan banjir yang berlebihan. Kemungkinannya akan berlaku banyak lagi backlog. Tempat yang telah pun diperbaiki, kemungkinannya akan berjalan dengan lancar. Tetapi tempat yang tidak dibaiki,

kemungkinannya tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan juga dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM5.2 juta telah pun diperuntukkan untuk meningkatkan kemudahan awam dan juga sosio-ekonomi masyarakat. Mengenai kemudahan-kemudahan awam dan juga kebersihan bandar serta Majlis-majlis Tempatan ini, saya ingin mencadangkan supaya sebagai insentif kepada Majlis-majlis Tempatan ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kalau di kampung dahulu kita mengadakan Pertandingan Kampung Terbersih, Kampung Tercantik dan sebagainya, maka kita mengadakan pertandingan Majlis Tempatan yang terbersih sekali.

Kalau Majlis Tempatan itu bersih, Kementerian Kewangan beri lagi peruntukan yang lebih, adakan peruntukan. Misalnya kalau ada Majlis Tempatan yang paling bersih untuk seluruh negara, berikan RM10 juta umpamanya,. biar dia boleh dijadikan sebagai satu insentif kepada Majlis-majlis Tempatan **ini**. Kalau kita boleh mengadakan pertandingan kampung tercantik, kampung terbersih, saya percaya tidak menjadi keberatan, kalau pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengadakan pertandingan Majlis Tempatan terbersih, tercantik dan berikan juga insentif-insentif yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud **B.36** - Polis Diraja Malaysia yang telah pun diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM49.6 juta, dikehendaki untuk membiayai projek pengkomputeran Polis Diraja Malaysia. Ini adalah satu peruntukan yang patut kita **alu-alukan** dan kenalah pada masa dan ketikanya Polis kita juga kena di'upgrade'kan.

Baru-baru ini kita telah lihat Polis kita dengan satu uniform yang baru, yang berwarna biru. Pada mulanya saya pun tertanya-tanya juga kenapa secara tiba-tiba sahaja Polis kita bertukar uniform mereka, rupa-rupanya apabila saya siasat barulah saya tahu rupa-rupanya warna yang digunakan oleh Polis kita itu adalah warna yang standard bagi semua Polis di seluruh dunia. Jadi, kalau pelancong datang ke negeri kita, dia tahu pakai uniform biru itu

adalah Polis. Maknanya di mana negara pun kebanyakkannya menggunakan uniform yang sama. Jadi, kita telah pun melangkah ke satu tahap lagi supaya negara kita juga termasuk dalam agenda pelancong untuk mengenali Polis kita.

Dengan adanya sistem komputer ini, saya berharap Balai-balai Polis akan dijadikan satu pusat maklumat oleh masyarakat tempatan. Umpamanya Balai-balai Polis boleh disyaratkan supaya penduduk-penduduk di dalam satu kawasan itu hendaklah mendaftarkan diri di Balai Polis. Jadi, pihak Polis tahu siapa yang tinggal di dalam sesuatu kawasan itu dan kalau dia sudah berpindah beritahu balik dan dengan mudah sahaja dipindahkan atau dikeluarkan nama itu daripada senarai. Dengan adanya komputer ini juga rekod-rekod jenayah, berapa banyak jenayah yang berlaku hendaklah dimasukkan dan segala laporan-laporan yang dibuat oleh masyarakat tempatan hendaklah dimasukkan ke dalam komputer yang ada di Jabatan Polis ini.

Walau bagaimanapun, saya sangat-sangat berharap janganlah disebabkan kita ada komputer, tetapi kita tidak menyertakan atau mengadakan latihan kepada pegawai-pegawai Polis yang mengendalikan komputer ini hendaklah disertakan juga dengan latihan supaya komputer yang ada di Balai-balai Polis ataupun di Pejabat-pejabat Polis itu akan menjadi sebagai satu 'white elephant' sahaja. Saya harapkan disertakan dengan latihan kepada pegawai-pegawai Polis.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Polis ini juga, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai anggota Polis kita. Saya cuma

berharap kepada Jabatan Polis Malaysia, kalau yang hendak mengiring pembesar-pembesar negara umpamanya Yang di-Pertuan Agong untuk bersembahyang Jumaat, saya harapkan hantarlah mereka yang bukan beragama Islam. Kalau yang beragama Islam sekali pun yang mengiringkan mereka itu untuk sembahyang Jumaat saya percaya tidaklah menjadi susah sangat kalau mereka ini juga turut sama bersembahyang Jumaat.

Bukannya saya hendak masuk campur hal-hal peribadi bahagian Polis, tetapi telah pun dua kali terserempak, saya biasanya lambat datang sembahyang, jadi sembahyang di tepi sekali. Tetapi pada masa yang sama, saya lihat terdapat juga pegawai-pegawai Polis yang sebangsa dan juga seagama dengan saya, saya tahu dia bertugas untuk menjaga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi tidak menunaikan sembahyang Jumaat. Saya tidak tahulah disegi fatwa kerana sembahyang Jumaat tidak boleh diganti, kalau sembahyang lain itu mungkin boleh - boleh ditukar, tetapi sembahyang Jumaat saya percaya tidak boleh.

Saya pernah pergi ke Saudi Arabia, King Fahd, kalau dia sembahyang, saya tengok pengawal-pengawalnya pun turut sama sekali sembahyang. Itu baru sembahyang sunat seperti sembahyang Terawih biasanya, inikan pula sembahyang Jumaat.

Saya berharap kepada pegawai-pegawai Polis, bukanlah saya hendak masuk campur dalam soal-soal ibadat mereka, peribadi mereka. Tetapi saya harapkan kalau umpamanya tidak boleh dilaksanakan untuk menghantar mereka yang bukan beragama Islam, untuk menjadi

pengawal ataupun untuk mengiringi pembesar-pembesar negara kita, saya harapkan mereka juga turut sama bersembahyang. Saya fikir bukanlah susah sangat, sembahyang di tepi-tepi dengan saya pun boleh juga. Jadi, saya berharap perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak Ketua Polis Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B. 44 - Kementerian Penerangan. Tambahan sebanyak RM13.3 juta diperlukan, di mana RM9.7 juta untuk membiayai peningkatan aktiviti-aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

Kita mengalu-alukan peningkatan aktiviti-aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan, tetapi pada masa yang sama juga, saya berharap pihak Kementerian Kewangan dapat menyalurkan peruntukan yang lebih kepada Kementerian ini dari segi untuk membiayai peningkatan peralatan-perlatan Jabatan Penerangan. Kadang-kala mungkin di dalam Kuala Lumpur ini kita tidak terasa, tetapi saya pernah mengikut pemimpin-pemimpin kita berceramah di luar-luar bandar, di kawasan-kawasan luar bandar yang akhir sekali di Kota Bahru pada masa pilihanraya yang dahulu, semasa pilihanraya kecil. Saya lihat peralatan yang digunakan, peralatan speaker **itu**. Speaker itu saya pada tahun 1960 dahulu pun saya sudah pernah tengok speaker yang sama. Jadi, maknanya sudah hampir-hampir 30 tahun speaker yang digunakan pada tahun 1960 masih juga lagi digunakan oleh Jabatan Penerangan pada masa ini.

Saya percaya kalau peralatan itu dibawa ke Kuala Lumpur, kalau lalu di hadapan Muzium Negara, mungkin Pengarah Muzium akan tahan agaknya untuk dipamerkan di Muzium Negara. Jadi, saya berharap biarlah peralatan yang ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, 34 tahun dahulu Tuan Rahim sudah tengok benda itu?

**Tuan Rahim bin Baba:** Ya. Masa saya kecil dahululah. Saya pun sudah berumur 44 tahun. Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua pun sudah tengok juga agaknya. Di Kuantan pun agaknya dipakai yang samalah lebih kurang, ya!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Agaknya begitulah.

**Tuan Rahim bin Baba:** Jadi, saya harap biarlah kita menggunakan peralatan yang bersesuaian dengan keadaan kita. Jangan lagi peralatan yang telah pun sesuai untuk diletakkan di Muzium Negara masih lagi digunakan oleh Jabatan Penerangan kita.

Apabila kita memberi penerangan di kampung-kampung. Saya sungguh terperanjat apabila melihatkan keadaan ini, kadang-kala itu saya kasihan tengok pemimpin-pemimpin kita berucap kena menggunakan suara dengan penuh tenaga, microphone yang ada, dia tarik pula suara kita. Jadi, bertambah susah lagi pemimpin kita untuk berucap, Memang tidak sesuai lagi, berilah peruntukan kepada Jabatan ini supaya diberikan peralatan-peralatan yang lebih moden, yang lebih canggih.

Saya tahu di dalam bandar-bandar kemungkinannya ada peralatan-peralatan yang sedemikian telah mula digunakan, tetapi di kawasan-kawasan yang luar daripada Kuala Lumpur di kawasan-kawasan luar bandar, peralatan-peralatan yang telah pun terlalu usang masih juga digunakan. Kita percaya tentulah tidak bermakna mempunyai **aktiviti-aktiviti** kalau tidak disokong dengan peralatan-peralatan yang up-to-date.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM3.4 juta diperuntukkan untuk membiayai perbelanjaan bagi perpindahan Jabatan Penerangan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Penyiaran dan juga Kementerian Penerangan di Wisma BERNAMA.

Saya percaya bahawa belanja untuk mengutip lesen radio atau TV ini, kalau pun tidak lebih ia mungkin sama banyaknya dengan belanja untuk lesen itu jika kita tengok pegawai-pegawai yang datang dengan kenderaannya untuk pergi mengutip RM30 atau RM24 **itu**. Saya lebih suka kalau pihak Kerajaan memikirkan supaya Bahagian Pelesenan ini diswastakan dan Kerajaan' cuma dapat satu 'lump sum' dan lepas itu terpulanglah!

Sekarang ini banyak kerja-kerja yang boleh diswastakan dan Kerajaan cuma mengharapkan bayaran daripada pihak swasta lepas itu terpulanglah kepada mereka kerana pihak swasta boleh menjalankan kerja dengan cara yang lebih efisien lagi. Kalaupun tidak hendak diswastakan eloklah dihapuskan terus bayaran lesen radio dan TV ini. Saya sudah banyak kali bercakap mengenai perkara ini kerana lesen TV ini yang kita bayar sebanyak RM24 itu sebenarnya semasa kita menonton TV pada masa yang sama kita melihat iklan.

Sebenarnya TV Malaysia boleh mengutip daripada iklan itu kerana kita sebagai penonton - daripada 'survey, research' yang dijalankan oleh Survey Research Malaysia (SRM), kalau lebih ramai penonton melihat sesuatu program itu lebih banyak lagi pihak penaja atau pengiklan itu kena bayar. Jadi, bermakna pendapatan daripada iklan itu bergantung kepada ramainya bilangan penonton atau jumlah kita sendiri yang menonton. Jika lebih ramai yang menonton, maknanya lebih banyak dia kenakan caj iklan.

Maknanya, secara 'indirect' pendapatan daripada iklan itu adalah diperolehi melalui adanya peranan yang dimainkan oleh kita sebagai pendengar atau penonton. Kalau kita kutip **pun**, belanja

mengutip itu saya percaya lebih kurang sama sahaja dengan perolehan yang kita dapat. Sebagai satu tanda terima kasih pihak RTM kepada rakyat, kepada penonton lebih baik kita hapuskan sama sekali lesen televisyen ini.

Saya sendiri pun pelik juga dengan Jabatan Kerajaan ini. Sebelum saya menjadi Ahli Dewan Negara dahulu saya sendiri pernah tidak membayar lesen dan kena saman. Saya ingat lagi samannya RM30. Tetapi dalam surat saman itu dinyatakan mesti bayar dengan bank draft, tunai, money order dan sebagainya. Jadi saya bayar dengan cek RM30. Apabila saya bayar RM30 dengan cek, dia balikkan cek itu dan minta saya bayar dengan bank draft. Jadi, saya pun kata, "kalau tak hendak pun tak apalah" dan saya pun tidak bayar langsung. Takkan saya ini bodoh sangat hendak 'bounce'kan cek RM30! Sekarang ini bank akan caj RM100 to every bounce cheque. Takkan saya sanggup membayar RM30 dan selepas itu cek itu bounce dan saya terpaksa kena tanggung RM100 lagi.

Kadang-kadang saya rasa pemikiran setengah jabatan Kerajaan ini pun patut juga diperbetulkan. Dia terlampau ikut 'strict'. Kalau di dalam borang itu disebutkan bank draft, money order atau postal order maka mesti dibayar dengan bank draft, money order atau postal order. Kalau dibayar dengan cek tidak boleh. Dalam keadaan yang macam **ini**, kalau orang kena 'fine' dan dia bayar RM30 dengan cek terima sahajalah dahulu. Kalau cek itu bounce barulah tulis balik ataupun sebagainya. Cubalah masukkan cek itu dahulu ke dalam akaun. Ini tidak, dia sanggup pulangkan cek **itu**. Jadi, masa itu saya pun sudah lupa, takkanlah saya hendak buat bank draft pula!

Saya agak perkara itu sudah di'wrice-off' sekarang ini sebab ia berlaku lima, enam tahun yang lalu sebelum saya menjadi Ahli Dewan Negara. Tetapi kalau hendak dituntut sekarang ini pun boleh, saya boleh bayar pun.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan-pandangan saya mengenai peruntukan yang telah pun diminta oleh Kementerian Kewangan bagi peruntukan tambahan bagi tahun 1994. Dengan kata-kata **itu**, saya menyokong Rang Undang-undang **ini**. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

### **5.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memakamkan penghargaan Kementerian Kewangan kepada 11 Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994) 1994 yang dibentangkan semalam:

Yang Berhormat Tuan Ding Seling;

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh;

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah;

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang;

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin;

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har;

Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin;

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen;

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz;

Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad; dan

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Oleh kerana kita ada kira-kira setengah jam, maka izinkan saya untuk menjawab beberapa persoalan utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan harapan kita agar dapat kita sempurnakan perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini pada hari **ini**.

Yang pertama, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling, khususnya beliau minta penjelasan sama ada perkhidmatan untuk membaiki longkang dan parit ini dikhaskan kepada bandar-bandar besar sahaja. Adakah ia juga meliputi kawasan-kawasan luar bandar.

Sekiranya sesuatu Majlis Daerah itu merangkumi juga kawasan luar bandar, maka ia akan dapat dibiayai daripada peruntukan RM50 juta yang dipohonkan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga selain daripada bercadang untuk mengeluarkan peruntukan RM50 juta ini juga memberikan apa yang dipanggilkan 'grant keseimbangan' berdasarkan kaedah keseimbangan ataupun 'grant tahunan' kepada Majlis-majlis Daerah dan jika dilihat daripada grant yang diberikan ini maka yang diberikan kepada Majlis-Majlis Daerah adalah lebih besar daripada yang diberikan kepada Majlis-majlis Perbandaran. Dalam **erti** kata, ini bermakna Majlis-majlis Daerah ataupun pekan-pekan atau bandar-bandar kecil mendapat peruntukan yang lebih besar berbanding dengan bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Tuan Ding Seling juga membangkitkan tentang perumahan di luar bandar. Untuk pembangunan rumah-rumah panjang ini kita difahamkan bahawa di Sarawak ada program khusus oleh Kerajaan Negeri dan mengikut Yang Berhormat Tuan Ding Seling, peruntukannya adalah kecil. Yang dilaksanakan oleh

Kerajaan Persekutuan ialah dua skim iaitu 'Program Perumahan Awam Kos Rendah' dan 'Skim Pertapakan dan Kemudahan'. Ini telah kita laksanakan dan ini termasuklah di Sarawak. Umpamannya, peruntukan bagi tahun ini ialah kira-kira RM12.7 juta untuk program Perumahan Awam Kos Rendah di negeri Sarawak yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dan daripada jumlah tersebut kira-kira RM6.6 juta telah pun dibelanjakan. Jadi, kita berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat memainkan peranan yang lebih untuk memastikan rumah-rumah panjang tersebut dapat diperbaiki ataupun dapat dibina dengan lebih selesa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling ialah berkaitan muda-mudi daripada luar bandar. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa apa yang dipanggil oleh beliau sebagai 'drop-out' ini akan dapat dibela dan dapat diambil perhatian dan dengan itu dapat mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh belia. Kerajaan sedar bahawa ramai 'drop-out' yang mungkin mengamalkan budaya lepak dan Kerajaan sedar bahawa lebih banyak lagi yang perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa belia ini diberikan perhatian yang sewajarnya.

Antara program-program yang dilakasankan untuk mengatasi masalah ini ialah mempertingkatkan program latihan di kalangan belia, meningkatkan pengambilan belia dalam Program Latihan Sambil Bekerja, menambahkan bilangan belia bergerak dalam bidang keusahawanan dan perniagaan melalui Tabung Pembangunan Ekonomi dan menubuhkan apa yang dipanggil Briged Belia, Program Karisma dan Program Rakan Sukan - ini merupakan antara program-program yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi membendung masalah belia termasuk drop-out yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

Perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam mengenai apa yang dibuat oleh Kerajaan untuk memberi perhatian lebih kepada belia dan belianis kita ini.

Mengenai Polis Diraja Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, ingin dimaklumkan bahawa dengan program pengkomputeran atau komputerisasi yang dirancangkan ini, maka kita yakin bahawa tahap perkhidmatan ataupun kecekapan yang disampaikan oleh PDRM akan meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tujuan program komputer ini ialah bagi membolehkan setiap kesalahan trafik

yang dibayar kompaunnya di mana-mana Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah di seluruh negara, ini 'ultimate objectives', dengan izin, pada masa ini kompaun bagi 'traffic offences', dengan izin, boleh dibayar di semua Ibu Pejabat Daerah Polis di Lembah Kelang dan beberapa pejabat utama yang lain. Jadi, dengan adanya sistem komputer yang lebih canggih seperti mana yang diperlukan di bawah peruntukan tambahan ini, maka kita percaya pihak Polis akan dapat meningkatkan keberkesanannya.

Ada lagi beberapa perkara berkaitan dengan PDBM yang dibangkitkan termasuklah berkaitan dengan gari dan juga berkaitan dengan uniform. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah bertanya kenapa Pegawai Polis juga digari bersama-sama dengan pesalah. Jadi, ini adalah untuk memastikan bahawa pesalah tersebut tidak lari jika beliau digari dengan seorang pesalah yang lain, maka mereka mungkin boleh berpakaat dan melarikan diri. Jadi, itulah tujuan kenapa digari bersama-sama dengan Pegawai Polis.

Berkaitan dengan uniform, yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sebentar tadi, ini merupakan satu usaha untuk menseragamkan uniform polis di peringkat antarabangsa oleh kerana polis kita juga mempunyai tugas-tugas di luar negara dan sepertimana yang dikatakan Yang Berhormat Tuan Rahim pelancong datang ke sini dan mereka akan biasa dengan satu uniform polis yang standard, maka dengan itu Kerajaan memikirkan perlu diubah uniform polis ini kepada apa yang dapat kita lihat pada masa ini.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga membangkitkan tentang rancangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beliau menyarankan agar lebih banyak lagi lawatan sambil belajar diadakan untuk mendedahkan penduduk luar bandar khususnya kepada keadaan hidup di sini untuk membolehkan mereka belajar daripada pembangunan, apa maksud pembangunan dan sebagainya. Ingin dimaklumkan bahawa program ini memang sedang dilakukan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, cuma memanglah mustahil untuk kita membawa beribu-ribu peserta dalam setahun. Apa yang ditekankan program ini berjalan dan tertakluk kepada peruntukan kewangan yang akan diperhebatkan lagi kerana dengan cara ini boleh kita mendedahkan khususnya golongan luar bandar kepada pembangunan yang sedang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Ding Seling membangkitkan tentang masalah Kementerian Penerangan khususnya perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan kesedaran mereka. Untuk ini, ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Penerangan meraang mengadakan pelbagai aktiviti komunikasi untuk bersemuka dengan rakyat secara berterusan. Ini memang dilakukan tetapi oleh sebab-sebab tertentu mungkin kerana kawasan terlalu luas, kekurangan pegawai memanglah diakui bahawa masih banyak lagi kawasan yang belum ditembusi oleh perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian Penerangan ini.

Dalam pada itu, ingin dimaklumkan bahawa Radio Sarawak umpamanya dalam usahanya untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai, mengadakan siaran dalam sepuluh bahasa ataupun 'dialects', dan kita percaya dengan adanya perkhidmatan ini membolehkan orang ramai menerima maklumat yang sebenar dan berserta dengan kegiatan-kegiatan bersemuka yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Penerangan, penjelasan yang sebaik-baiknya dapat diberikan kepada rakyat bagi menangkis hujah-hujah yang disampaikan oleh pihak-pihak lain termasuklah Sahabat Alam yang kadang-kadang kurang bersimpati dengan pendekatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Rahmah memberikan pujian kepada Kerajaan dan menyokong penuh peruntukan-peruntukan yang dipohonkan oleh Kerajaan dan untuk itu kita ingin merakamkan terima kasih kepada beliau.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah banyak bercakap tentang masalah Al-Arqam khususnya berkaitan dengan Aurad Muhammadiyah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, selepas ini ada satu Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin dan kita bersama-sama tunggu penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi dakwah ataupun mengatasi penyelewengan yang sedang disibarkan oleh Ashaari dan pengikut-pengikut Al-Arqam ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang utama dan selain daripada itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah juga ialah berkaitan dengan banjir kilat. Beliau menyatakan bahawa ada Majlis-majlis Daerah yang tidak menguatkuaskan peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan tertentu dalam menimbal permohonan daripada pemaju-pemaju perumahan. Pandangan ini diambil perhatian oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, saya telah menjawab berkaitan dengan belia. Beliau menyarankan agar pengawasan **teliti** dibuat terhadap semua perbelanjaan Kerajaan supaya ianya adalah tepat dengan hasrat yang dinyatakan. Ingin dimaklumkan bahawa Kerajaan memang sentiasa memastikan bahawa peruntukan itu dibelanjakan ke atas perkara-perkara yang ditentukan dalam Belanjawan. Jika sekiranya ada sedikit sebanyak penyelewengan umpamanya maka ada badan-badan tertentu dalam Kerajaan termasuklah Jabatan Audit Negara untuk memastikan bahawa kegiatan ini akan dapat diatasi.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang juga ingin meminta kepastian agar perbelanjaan yang dibelanjakan di Kelantan itu oleh Kerajaan Persekutuan digunakan untuk tujuan-tujuan yang dimaksudkan dan kita ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan

memang sentiasa mengawasi agar apa jua perbelanjaan adalah dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan membangkitkan tentang masalah sukan renang. Ingin dimaklumkan bahawa sebagai persiapan kita untuk menghadapi Sukan Komanwel (SUKOM) yang akan berlangsung kira-kira empat tahun yang akan datang - memang terdapat dalam perancangan Kerajaan untuk membina beberapa kolam renang di setiap buah negeri dan ini kita percaya akan dapat meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan dan dengan itu boleh kita menghasilkan para ahli sukan bagi menyertai dan bagi mewakili negara dalam acara-acara tertentu termasuklah acara renang ini.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har juga menyentuh tentang perlunya Kerajaan mengawasi setiap peruntukan itu dibelanjakan untuk perkara-perkara yang ditentukan - telah pun dijawab tadi.

Berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah, beliau ingin supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak lain yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya untuk meningkatkan pembinaan rumah kos rendah. Kita ingin maklumkan bahawa sejak program ini dilancarkan kira-kira 3-4 bulan yang lalu, sambutannya adalah amat menggalakan dan pihak Kerajaan telah pun menerima cadangan daripada hampir ke semua negeri di negara kita ini untuk membina rumah kos rendah dan rumah kos rendah ini ada di bandar dan untuk di luar bandar kita ada program-program tertentu, termasuklah program untuk memulihkan rumah-rumah golongan termiskin di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Zaleha membicarakan tentang Kementerian Belia dan Sukan. Beliau ingin tahu setakat mana program-program yang dilaksanakan itu berkesan dan setakat mana ia berjaya menjadikan belia kita ini progresif dan dinamis. Insya Allah, Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan sedang meningkatkan usaha untuk menangani masalah-masalah belia yang terdapat dalam negara kita dan melalui program-program ini kita berharap belia kita akan menjadi progresif dan dinamis.

Selain dari itu berkaitan dengan penerangan, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha menyarankan agar Pegawai-pejawai Penerangan di berikan ilmu tambahan. Kita ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat kerana mengemukakan cadangan ini dan kita ingin maklumkan juga bahawa memang menjadi dasar Kementerian Penerangan untuk menambahkan ilmu Pegawai-pejawai Penerangan bagi membolehkan

mereka berhadapan dengan masyarakat termasuklah untuk memberi penjelasan berkaitan dengan isu-isu agama bagi menangkis dakyah-dakyah yang dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa Kerajaan pada hari ini tidak memberi perhatian kepada program-program untuk menegakkan syiar Islam.

Berkaitan dengan perumahan, ingin dimaklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM50 juta **ini**, sekarang ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengadakan perbincangan bagi menentukan agihan peruntukan tersebut kepada negeri-negeri. Belum ada keputusan yang dibuat dan peruntukan sewajarnya akan diberi kepada mana-mana pihak dan mana-mana Majlis Daerah yang mengemukakan cadangan yang baik dan ditentukah priority dan keutamaannya dan setelah keutamaan ditetapkan, maka peruntukan sebanyak RM50 juta itu akan diagihkan kepada Majlis-majlis Daerah yang berkenaan.

Berkaitan dengan geran perseimbangan (equalization grant) yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, ingin diumumkan bahawa Kerajaan Kelantan tahun lalu menerima kira-kira RM17 juta. Jumlah semuanya ialah kira-kira RM80 juta, jadi, Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang mendapat peruntukan yang tertinggi di bawah geran keseimbangan (equalization grant) ini. Ini juga, sebagaimana kata Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, membuktikan bahawa Kerajaan Pusat tidak diskriminasi dalam mengagihkan peruntukan kepada pihak-pihak yang berkenaan, khususnya, Kerajaan-kerajaan Negeri. Tahun ini

umpamanya, RM85 juta dijangka dikeluarkan sebagai geran keseimbangan kepada Majlis-majlis Daerah dan kita dapat i baha wa negeri Kelantan akan menerima RM12.4 juta. Yang tertinggi ialah negeri Kedah - sebanyak RM19 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen membangkitkan tentang rumah kos rendah. Beliau ingin memastikan agar peruntukan rumah kos rendah ini diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukannya. Oleh itu, kumpulan sasaran hendaklah menerima dan Kerajaan memang sentiasa memastikan baha wa mereka yang memerlukan sahaja diperuntukan rumah kos rendah ini, dan jika terdapat penyelewengan, maka tindakan sewajarnya akan diambil. Yang Berhormat juga mengemukakan cadangan supaya ditubuhkan sebuah Kementerian Hal-Ehwal Wanita dan beliau juga menyentuh tentang Kementerian Kesihatan. Pandangan-pandangan ini diambil perhatian oleh Kerajaan.

Seterusnya saya pergi kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Pertama berkaitan dengan pandangan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi kegunaan ataupun disediakan pesawat khas semasa lawatan beliau ke luar negara. Jika tidak silap saya memang ada di antara lawatan-lawatan ke luar negara di mana kita menggunakan pesawat khas, kepunyaan Kerajaan Malaysia, tetapi mungkin bagi tempat-tempat yang berjauhan, oleh kerana masalah-masalah teknikal dan sebagainya, kadang-kadang perlu digunakan 'coramercial flight'. Walau bagaimanapun, kita mengambil perhatian kepada cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri, memandangkan Malaysia memainkan peranan yang

begitu penting dalam arena antarabangsa, di mana pandangan kita diminta oleh Nelson Mandela dan lain-lain pemimpin antarabangsa. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri memikirkan adalah amat wajar pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan sebuah pesawat kepunyaan Kerajaan. Kita akan mengambil perhatian mengenai pandangan beliau.

Seterusnya berkaitan dengan parit yang kotor. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri menyarankan agar parit-parit ini bukan dibersihkan dengan menggunakan kontraktor tetapi dengan pendekatan gotong-royong. Yang Berhormat Tuan Saidin telah menyambut cadangan ini dan beliau menyatakan bahawa di kampung-kampung tidak perlu digalakkan tabiat **ini**, kerana memang sudah sebat. Di pekan-pekan beliau berpendapat kaedah ini amat sesuai sekali. Kita akan meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengkaji cadangan **ini**, cuma kalau melihat kepada sambutan orang ramai terhadap kerja-kerja gotong-royong ini, khususnya di bandar-bandar, kalau kita lihat kepada sambutan sebelum ini memang sukar hendak kita jayakan pendekatan ini di bandar-bandar. Walau bagaimanapun, kita minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan untuk mengambil perhatian terhadap cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri tadi.

Datuk Haji Mohamed Nazri juga berpendapat bahawa peruntukan ini tidak harus merupakan satu, dengan izin, one shot, iaitu peruntukan yang berbentuk 'one shot' ini bermakna sekali sahaja diberi peruntukan, tahun hadapan dipotong dan tidak diberikan lagi. Kita memang sedar bahawa sekiranya peruntukan seperti ini tidak diteruskan, maka apa juu yang kita capai tahun ini akan rugi begitu sahaja dan Kerajaan akan mengambil perhatian akan pandangan Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamed Nazri tentang perlunya ada kesinambungan dalam peruntukan ini agar keadaan kebersihan dapat dipelihara dan negara kita akan dipandang tinggi, bukan sahaja oleh pelacong tetapi juga oleh rakyat Malaysia sendiri. Beliau menyarankan agar dikenakan tindakan tegas dandikenakan penguatkuasa ini semua kita akan ambil perhatiah.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri juga menyarankan agar di Sabah, untuk mengelak kerugian yang besar, tidak memadai kita mengadakan IPP, yang perlu ialah kita menswastakan Lembaga Elektrik Negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menerima cadangan daripada 5 buah syarikat untuk menswastakan Lembaga Elektrik Sabah ini dan kita percaya apabila tiba masanya dan jika cadangan-cadangana itu difikirkan adalah munasabah maka Kerajaan mengambil keputusan untuk menswastakan Lembaga Elektrik Sabah ini.

Apa yang berlaku di Sabah ialah, oleh kerana kos penjanaan elektrik terlalu tinggi di kawasan luar bandar inilah yang memerlukan subsidi yang begitu besar. Umpamanya kos untuk menjana dan menghantar bekalan elektrik ke rumah-rumah di kawasan luar bandar di Sabah iaitu kira-kira lebih 90 sen bagi satu kilowatt, manakala secara puratanya ialah kira-kira tidak sampai pun 30 sen. Bermakna kos bagi menjana dan menghantar bekalan elektrik ke luar bandar di Sabah ini, oleh kerana keadaannya begitu rupa, oleh kerana remote, dengan izin, maka kosnya ialah 3 kali ganda lebih tinggi untuk membekalkan elektrik ke luar bandar berbanding dengan kawasan-kawasan lain. Itulah yang menyebabkan Kerajaan terpaksa, seperti yang saya katakan dalam ucapan semalam, membelanjakan kira-kira RM35 juta setahun antara lain untuk menampung atau memberi subsidi kepada Lembaga Elektrik Sabah.

Mengenai sukan, Datuk Haji Mohamed Nazri ada cadangan supaya mereka yang memegang jawatan hanya dibenarkan memegangnya 4 tahun, ini diambil perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Tuan Saidin menyarankan agar parit-parit dan longkang-longkang dibinakan itu adalah kukuh dan diadakan penguatkuasaan, Beliau menyarankan orang ramai tidak harus membuang sampah merata-rata dan kita ucapkan terima kasih di atas pandangan yang diberikan oleh beliau.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengenai pengiraan tol. Saya tidak ada maklumat di sini dan tidak boleh memberi jawapan dan saya sarankan agar beliau berhubung dengan Lembaga Lebuh Raya atau PLUS untuk mendapat penjelasan sewajarnya.

Beliau menyarankan agar diadakan pertandingan di kalangan Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran dengan diberikan hadiah umpamanya RM10 juta kepada Majlis Daerah yang didapati paling bersih. Kita ucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut supaya diadakan pertandingan untuk diberikan insentif kepada Majlis Daerah bagi menjaga kebersihan kawasan mereka.

Tuan Rahim juga mencadangkan agar sistem komputer Polis Diraja Malaysia ini digunakan sebagai pusat maklumat. Pada peringkat ini, peruntukan tambahan yang dipohonkan ini tidak meliputi peranan yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim iaitu sebagai pusat maklumat di mana beliau ingin supaya penduduk berdaftar dengan Pejabat Polis di mana kegiatan-kegiatan masyarakat didaftarkan

dengan Pejabat Polis. Saya percaya satu hari nanti apabila Kerajaan mempunyai peruntukan yang sewajar dan secukupnya, cadangan ini boleh diberi pertimbangan.

Berkaitan dengan peralatan di Kementerian Penerangan ini, saya difahamkan bahawa tindakan telah pun diambil selaras dengan kemampuan kewangannya dan yang penting peralatan ini berfungsi dengan baik walaupun tidak 'perfect' dan kita percaya apabila ada peruntukan sewajarnya maka Jabatan Penerangan akan dapat menggantikan speaker-speaker ataupun pembesar suara dan 'sound syatera' yang dikatakan usang ini dengan peralatan yang lebih canggih. Beliau menyarankan juga agar urusan lesen TV dan radio ini diswastakan kerana pada pandangan beliau kos untuk rmengutip lesen TV dan radio ini mungkin melebihi kutipan yang diperolehi daripada lesen-lesen tersebut. Cadangan ini akan dikaji oleh Kementerian Penerangan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini dan semalam di mana perkara-perkara utama yang ditumpukan adalah berkaitan dengan peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Belia dan Sukan. Kita percaya oleh kerana ramai pegawai-pegawai dalam Dewan pada petang ini, ada cadangan-cadangan Yang Berhormat yang bernas akan dikemukakan untuk kajian Kementerian-kementerian yang berkenaan dan jika difikirkan wajar dan perlu, maka cadangan dan saranan tersebut akan dilaksanakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Kewangan ingin merakamkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

### Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklukan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1994 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang-di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 1994**

**Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga**

**6.26 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, (Akta 239) ialah undang-undang pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengurniaan faedah persaraan bagi pekerja badan berkanun dan kuasa tempatan. Akta berkenaan telab berkuatkuasa sejak 1hb Januari 1976. Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1994 yang dicadangkan ini

bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990, (Akta 239) berikutan keputusan Kerajaan untuk mengasingkan pengurusan saraan bagi badan-badan berkanun tertentu daripada sistem saraan sektor awam. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) mengadakan peruntukan untuk membolehkan pekerja badan berkanun atau kuasa tempatan yang telah diberi taraf berpencen menyerahkan dengan secara sukarela hak-hak pencennya dengan memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
- (ii) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan majikan membuat caruman syer majikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja secara kebelakangan mulai tarikh pekerja diberi taraf pencen bagi pekerja tetap di bawah skim pencen dan sudah diberi taraf berpencen serta memilih untuk berpindah ke Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan;
- (iii) mengadakan peruntukan untuk membolehkan pihak berkuasa berkanun atau tempatan menawarkan option kepada pekerja-pekerja badan berkanun atau kuasa tempatan untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Seksyen baru 6B. Seksyen baru 6B dicadangkan dimasukkan ke dalam Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980

untuk membolehkan pekerja berpencen sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan secara sukarela menyerahkan hak pencennya dengan memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Option yang dilaksanakan oleh pekerja itu di bawah peruntukan ini mestilah dibuat kepada pihak berkuasa melantik yang berkenaan mengikut cara yang diluluskan oleh pihak berkuasa pencen dan tidak boleh ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 6C. Seksyen baru 6C dicadang dimasukkan ke dalam Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 untuk membolehkan sesuatu pihak berkuasa berkanun atau tempatan membuat caruman kebelakangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berkenaan dengan setiap pekerja berpencen yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman ini adalah bagi tempoh yang bermula daripada tarikh pekerja itu menjadi pekerja berpencen dan berakhir pada tarikh beliau berhenti menjadi pekerja berpencen di bawah seksyen 6B yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 6B. Seksyen baru 6B dicadangkan dimasukkan ke dalam Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 untuk membolehkan sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan menawarkan kepada pekerja-pekerja berpencennya suatu opsyen untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT HAK URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### **UCAPAN PENANGGUHAN**

#### **Aurad Muhanmadiah Pegangan Al-Arqam**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, mengikut Order Paper ataupun kertas Aturan Urusan Mesyuarat hari **ini**, Yang Berhormat diberikan  $7\frac{1}{2}$  minit untuk berucap. Jadi saya harap cuba bataskan ucapan dalam lingkungan jangka waktu seperti itu dan diikuti dengan jawapan dalam lingkungan waktu seperti itu juga oleh pihak Menteri. Silakan.

### 6.31 ptg.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan ini ialah mengenai Al-Arqam dan Aurad Muhammadiyah yang pada saya amatlah penting kerana ia berkaitan dengan aqidah dah syahada umat Islam di Malaysia ini dan ia juga merupakan kewajipan saya sebagai individu Islam untuk memperkatakan mengenai Al-Arqam yang sudah menodai aqidah dan keimanan umat Islam.

Islam adalah asasnya aqidah, ibadah dan sistem hidup. Penyelewengan Al-Arqam jelas. Apa yang membimbangkan kita ialah seperti yang dinyatakan oleh Saidina Omar r.a., dengan izin, [Membaca petikan dalam bahasa Arab] yang maksudnya:

"Kekuatan Islam akan hancur sedikit demi sedikit apabila di kalangan Islam lahir orang yang tidak mengetahui mengenai jahiliah sebenar-benarnya".

Yang dikatakan jahiliah ada kaitan dengan Al-Arqam ialah:

- (i) apabila pemikiran dan tingkah laku bertentangan dengan ajaran Allah;
- (ii) nafsu dan syaitan menguasai;
- (iii) ilmu Allah sudah tidak menjadi asas pegangan hidup;
- (iv) pemujaan kepada kuasa dan manusia;
- (v) banyak khurafat dan karut-marut.

Ini termasuklah di dalam Al-Arqam sendiri. Di dalam Aurad Muhammadiyah menyatakan masalah bercakap dengan Nabi dan sebagainya dan juga menjelaskan juga kepada Islam sendiri, dengan menghina Rasulullah dengan mengatakan Rasulullah mempunyai 37 orang isteri dan sebagainya.

Pemujaan kepada Ashaari dan Sheikh Suhaimi adalah suatu perkara amalan *jahiliah* yang meletakkan manusia mempunyai kuasa ghaib seolah-oleh Sheikh Suhaimi tidak mati, masih hidup dan akan datang di akhir zaman, sedangkan ayat Quran, dengan izin, **[Membaca petikan ayat Al-Quran]** yang bermaksud "Semuanya akan binasa, melainkan zat Allah juga".

Umat Islam di negara ini jangan lupa perbuatan memuja manusia adalah perbuatan orang Yahudi dan Nasrani. Kekuasaan manusia adalah terbatas dan mesti bersumber kepada syariat. Islam tidak memandang hanya kepada syiar, slogan atau nama sahaja seperti Abuya, Al-Sheikh Imam Ashaari, Muhammad At-Tamimi, gelaran dan sebagainya. Apa yang penting ialah, dengan izin, Al-Quran mengatakan: **[Membaca petikan ayat Al-Quran]** yang bermaksud "Apa yang datang daripada Rasul, itulah yang kita ikut dan apa yang dilarangnya hendaklah kita hentikan".

Sepatutnya Al-Arqam apabila telah diberitahu oleh para ulama di seluruh Malaysia dan juga di beberapa buah negara dalam Asia sendiri yang mengatakan ia telah pun bercanggah dengan ajaran Islam dan akidah umat Islam sendiri, ia sepatutnya telah memberhentikan segala gerak kerjanya. Ia sepatutnya mengetahui bahawa mereka adalah hanya sebagai manusia biasa sahaja dan dengan izin, mengikut hadis, Rasulullah mengatakan, **[Membaca petikan Hadis dalam bahasa Arab]** yang bermaksud "Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan yang tidak daripada ajaran Rasulullah, ia adalah ditolak."

Kita harus mengambil kira pergerakan Al-Arqam dalam negara ini amat berbahaya, mangancam aqidah umat Islam dan keselamatan negara. Yang paling berbahaya, gerakan ini akan merebak dan bertunjang di hati mereka yang baru hendak mengenali Islam ataupun seorang yang pernah hidup dalam kehanyutan arus dunia ingin kembali kepada Allah

maka dengan ketipisan iman mereka terjebak dengan gerakan ini. Apa yang membimbangkan lagi ialah sekolah-sekolah Tabika anjuran Al-Arqam yang ada di seluruh negara, anak-anak kecil yang masih mentah akan dirosakkan dengan fahaman **ini**. Mereka jelas menggunakan Islam dan akidah umat Islam sebagai suatu alat untuk kepentingan hidup mereka dan sebagai alat untuk kemudahan dan kesenangan mereka. Mereka boleh menipu umat Islam dengan bertopengkan dakwah melalui jubah dan serban mereka sedangkan mereka lah penyebar penyelewengan dan kehancuran aqidah umat Islam di negara ini.

Maka tindakan segera dan bijaksana, penyelesaian yang berkesan adalah perlu oleh Kerajaan, bukan setakat pengharaman, tetapi memberhentikan segera perkembangan dan kegiatan mereka. Hari ini saya lihat gerakan mereka terus bercambah. Makin kita bercakap tentang pengharaman mereka, makin laju sehingga saya lihat di negeri Kelantan sendiri misalnya, A-Arqam terus bercambah dan kedapatan sekolah-sekolah Tabika Al-Arqam terus diwujudkan di dalam kampung-kampung dan desa serta di bandar. Begitu juga kegiatan ekonomi mereka.

Apabila kita telah mengharamkan sesuatu gerakan yang telah bercanggah dengan aqidah Islam, maka ertinya apa pergerakan mereka juga turut diharamkan. Saya ingin menyatakan paling kita kesal sekali ialah gerakan Al-Arqam ini sehingga minit mesyuarat Kementerian Dalam Negeri juga boleh jatuh ke tangan pergerakan mereka. Ini suatu amaran kepada pihak Kerajaan bahawa Al-Arqam ada di mana-mana sahaja - di kampung, di Jabatan Kerajaan, di Kementerian, bahkan di mana-mana sahaja. Tindakan Kerajaan mesti berani dan tegas dan berhati-hati kerana dalam tindakan yang akan

diambil oleh Kerajaan dalam hendak membanteraskan apa yang telah dilakukan oleh Al-Arqam **ini**, kita harus ingat kita tidak mahu akan berlaku Memali kedua di dalam negara ini. Oleh itu, tindakan ini hendaklah boleh diumpamakan seperti menarik rambut di dalam tepung; rambut ditarik tidak putus, tepung tidak berderai. Inilah hakikatnya, mengambil masa yang terlalu panjang dalam membuat tindakan oleh Pusat Islam dan Kementerian Dalam Negeri akan lebih memburukkan lagi suasana mengenai akidah umat Islam dan masyarakat Islam sendiri.

Oleh kerana masa yang diberi 7 minit dan sudah sampai pun 7 minit. Dengan itu saya mohon mencadangkan supaya perkara ini dilaksanakan, Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Setiausaha Parlimen di JPM menjawab.

### **6.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan terima kasih saya bagi pihak Kerajaan kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zaleha binti Hussin yang telah memberi ucapan mengenai Darul Arqam.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan kepada umat Islam sekalian, pertamanya bagaimana Allah menyatakan kepada manusia:

**[Membaca petikan dalam bahasa Arab]** maksudnya "Tuhan melarang manusia ini (orang-orang Islam) daripada mengambil babagian atau menyertai apa juga sesuatu yang dia tidak ada ilmu di dalamnya."

Bermakna kita kena tahu, menyiasat perkara-perkara yang hendak kita lakukan. Bermakna, apabila kita hendak menyertai kumpulan mana-mana

pun, kita harus tahu pergerakan apa yang kita hendak masuk dan apakah kegiatan yang mereka lakukan. Ini ingatan Allah S.W.T. kepada manusia Islam yang harus kita ingat. Jadi sebabnya itulah sebahagian daripada manusia kita ini yang kurang ilmu, maka dia terjebak di dalam masalah yang kita bincangkan sekarang.

Yang keduanya saya hendak menyebutkan juga pesanan Rasulullah kepada kita bahawa selepas daripada baginda ini tidak ada lagi firman, tidak ada lagi wahyu, tidak ada lagi benda yang wajib. Jika sekiranya ada manusia menyebutkan bahawa inilah perkara baru dalam Islam, maka ianya adalah disebutkan bid'ah dholallah. Apabila bid'ah dholallah ini, hukumnya finnar - neraka tempatnya. Rasulullah menyebutkan, dengan izin, **[Membaca petikan dalam bahasa Arab]** yang bermaksud "Hukumnya ialah neraka."

Jadi umat Islam seharusnya faham bahawa sesuatu yang baru yang ditimbulkan oleh seorang Islam selepas daripada baginda Rasulullah s.a.w., makanya ianya adalah merupakan bid'ah dholallah, hukumnya ialah neraka. Ini ialah yang disebutkan. Ini pendapat, ini hadis Rasulullah s.a.w. kepada kita. Jadi ini menjelaskan tentang persoalan Al-Arqam ini.

Saya hendak menyebutkan bahawa penyelewengan aqidah Al-Arqam adalah berpunca dari pengajaran Ashaari Muhanmad dan pegangan ahli-ahlinya terhadap Aurad Muhammadiah yang antara lain berpegangkan kepada Sheikh Suhaimi, pengasas Aurad Muhammadiah berjumpa Rasulullah s.a.w. dalam jaga dan menerima Aurad tersebut daripada Baginda di dalam Kaabah. Ini suatu penipuan yang jelas.

Yang keduanya, Syeikh Shuhaimi diyakini tidak mati, kononnya dia ghaib dan akan muncul semula sebagai Imam Mahadi, ianya pun tidak betul.

Yang ketiganya, mengadakan tambahan. Ini yang besar, ialah mengadakan tambahan kepada syahadah dengan fakta palsu yang menyebut Syeikh Suhaimi sebagai salah seorang daripada Khalifah Rasullullah yang mana rangkaian kata-kata selepas dua kalimah syahadah boleh menyelewengkan pegangan umat Islam.

Kesemua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berkait rapat dengan penerimaan Al-Arqam kepada Aurad Muhammadiyah. Dari segi implikasinya, suka saya nyatakan bahawa pihak Al-Arqam telah berpegang kepada konsep Imam Mahadi yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Orang yang telah pun mati di Kelang pada tahun 1925 dikatakan ghaib dan akan muncul sebagai Imam Mahadi. Tarikh kemunculannya selalu berubah-ubah. Tarikh terakhir yang diramalkan ialah pada tahun 1995; menyamatarafkan Muhammad As-Suhaimi dengan Khalifah Ar-Rasyidin yang dikenali sebagai Khalifah Empat adalah bertentangan dengan fakta sejarah dan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pegangan Al-Arqam yang dapat dikesani oleh wujudnya sikap taksub kepada pemimpin. Sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana Ashaari Mohammad dianggap pula sebagai orang yang diberi kuasa oleh Allah S.W.T. untuk menjadi Khalifah sebelum menjelanya Syeikh Suhaimi sebagai Imam Mahadi. Hal ini diperkuatkan lagi dengan dakwaan yang kononnya beliau keturunan daripada Bani Tamiro dan seorang "wali" yang mempunyai karamah serta mujaddid akhir zaman. Sedangkan Ashaari Mohammad dilahirkan di Durian Daun Pilin, Rembau, Negeri Sembilan. Mana dia ada hubungan dengan Saidina Abu Bakar daripada Bani Tamim. Jadi, jauh bezanya.

Jadi, corak dakyah seperti ini telah mempengaruhi sebahagian daripada pelajar Malaysia di luar negeri. Ini kita mengakui. Terutama yang di Jordan dan Mesir. Oleh yang demikian, Kerajaan akan mengambil sikap tegas dalam memerangi penyelewengan dan penipuan dalam akidah **ini**. Insya Allah, kita tungguhlah pada minggu pertama bulan Ogos yang akan datang, kenyataan akan dibuat, tindakan akan diambil terhadap pergerakan Darul Arqam,

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sekarang dan akan disambung semula pada hari Isnin 25hb Julai, 1994 iaitu 4 hari dari sekarang.

**Dewan ditangguhkan pada jam 6.42 petang.**

